

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
 PENGGAL KETIGA
Third Session
 MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III Bil. 16 Hari Isnin 4 Ogos 1997

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi
 Y.B. Tuan Jiuin bin Jimin
 Y.B. Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Nor
 Y.B. Puan Jamilah binti Ibrahim (Ruangan)

)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru (Ruangan)
 Perlanjutan Mesyuarat Dewan Negara (Ruangan)
 Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan)
 Memperkenankan Akta-akta (Ruangan)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
 PERTANYAAN** (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 (Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Perkhidmatan Skim Guru
 - Y.B. Puan Kamilia binti Ibrahim (Ruangan)

DEWAN NEGARA
Mesyuarat Kedua
Penggal Yang Ketiga
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K, J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha: Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha: Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 4 Ogos 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat

Sumpah:

1. Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī;
2. Yang Berhormat Tuan Jiuin bin Jimin;
3. Yang Berhormat PuanHajah Hunaizah binti Mohd.Noor;
4. Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih dan dipilih semula itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERLANJUTAN MESYUARAT DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Negara akan dilanjutkan satu hari lagi iaitu pada hari Isnin 18 Ogos 1997 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Negara membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut. Saya jemput Setiausaha membaca kertas peraturan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

“31 Julai 1997.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997;
2. Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997;
4. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan)
5. Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1996 dan 1997) 1997;
2. Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 1997;
3. Akta Perkongsian Terhadap Luar Pesisir Labuan 1997;
4. Akta Notari Awam (Pindaan) 1997;
5. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (Pembubaran)
6. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pembubaran)
1997;
7. Akta Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Pembubaran)
1997;
8. Akta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara
(Penggantian dan Pembubaran) 1997;
9. Akta Bank Simpanan Nasional Berhad 1997;
10. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1997;
11. Akta Jenayah Komputer 1997;
12. Akta Tandatangan Digital 1997;
13. Akta Teleperubatan 1997;

14. Akta Hakcipta (Pindaan) 1997;
15. Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997;
16. Akta Perkhidmatan Bersama (Pegawai Hal-Ehwal Islam) 1997;
17. Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997;
18. Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1997
19. Akta Tafsiran (Pindaan) 1997;
20. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 1997;
21. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1997;
22. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997;
23. Akta Penguambela (Sabah) (Pindaan) 1997; dan
24. Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1997.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1982 - ADUAN PALSU

1. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kerajaan akan meminda Akta Pencegahan Rasuah 1982 dalam sidang Parlimen kali ini untuk mendakwa pengadu yang membuat aduan palsu, setakat ini berapa orang yang telah didapati membuat aduan palsu tetapi peruntukan tidak ada di dalam akta ini untuk mendakwa mereka di mahkamah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sejak dari tahun 1994 hingga Jun 1997, BPR telah mendakwa empat orang di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan kerana telah membuat report palsu kepada BPR dan keempat-empat mereka telah disabitkan di Mahkamah Majistret. Peruntukan untuk mendakwa mereka yang membuat aduan palsu tidak terdapat di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan Akta Badan Pencegahan Rasuah 1982. Di bawah Seksyen 182 Kanun Keseksaan, mereka yang disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda sehingga RM2000 atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan Seksyen 20 diadakan di dalam Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 adalah bagi mendakwa mereka yang membuat aduan palsu dan bukan untuk menakut-nakutkan orang ramai daripada membuat aduan kepada BPR. Peruntukan ini adalah untuk menghindar orang daripada membuat aduan yang mereka ketahui palsu dan berunsur fitnah. Ini bertujuan

untuk melindungi mereka yang tidak bersalah daripada ditohmah dengan tuduhan palsu yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman mereka. Peruntukan ini tidak sekali-kali bertujuan untuk mendakwa mereka yang secara jujur dan suci hati membuat aduan kepada BPR berasaskan maklumat yang sebahagiannya benar tetapi kemudiannya didapati tidak mencukupi untuk tindakan mahkamah.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa salah satu sebab kenapa perkara-perkara rasuah ini tidak dilaporkan oleh pihak-pihak tertentu oleh sebab separuh daripada mereka tidak mahu nama mereka diketahui umum sebab barangkali masalah yang tidak dapat dielakkan dan apakah kementerian berhasrat untuk mencari satu formula supaya perkara rasuah ini dapat diketahui tanpa mendedahkan nama? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, asas kepada penyiasatan ialah kerahsiaan. Oleh kerana itu, kita sentiasa mengamalkan kerahsiaan itu dipastikan supaya mereka yang datang melapor tidak akan dianiayakan oleh mana-mana pihak. Oleh kerana itu kita tidak perlu bimbang dalam perkara ini.

SEKOLAH KEBANGSAAN - PENGAJARAN BAHASA TAMIL/CINA

2. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramai murid-murid dari sekolah kebangsaan mengikuti pengajaran bahasa Tamil/China di seluruh negara di bawah Projek Rintis dalam tahun 1996 dan 1997; dan
- (b) berapa Sekolah Menengah/Rendah telah memulakan pengajaran bahasa Ibunda pada tahun ini dan berapa ramaikah murid-murid yang mengikuti pembelajaran ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan

Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Bilangan murid yang mengikuti bahasa Tamil dan bahasa Cina di bawah Projek Rintis di seluruh negara dalam tahun 1996 dan 1997 adalah seperti berikut:

<u>Projek Rintis Bahasa Cina</u>	<u>Bilangan Murid</u>
1996	6,013
1997	6,039

<u>Projek Rintis Bahasa Tamil</u>	<u>Bilangan Murid</u>
1996	4,147
1997	4,019

- (b) Bilangan sekolah menengah yang memulakan pengajaran bahasa Ibunda pada tahun ini ialah 763 buah sekolah dan bilangan murid yang mengikuti pelajaran bahasa Ibunda ialah seramai 169,477 orang. Bagi sekolah rendah pula bilangan sekolah ialah 895 buah dan bilangan murid seramai 63,582 orang.

Datuk Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan tentang istilah ‘bahasa Ibunda’ ataupun ‘mother tounge’, apakah satu keluarga - katakan keluarga Cina yang

emak dan bapanya bercakap bahasa Melayu di rumah, tidak ada langsung bercakap bahasa Cina akan dianggap bahasa Ibundanya bahasa Cinakah atau bahasa Melayu?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, mengikut tafsiran bahasa Ibunda ialah biasanya mengikut keturunan keluarga tersebut. Namun demikian, soalan yang ditimbulkan adalah satu soalan yang Kementerian Pendidikan akan kaji dan kita akan jawab dengan lebih jelas secara bertulis.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada bahasa Cina dan Tamil, adakah bahasa-bahasa Ibunda kaum lain di negara kita ini yang kini dipelajari di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah soalan itu diulangi sekali lagi?

Tuan Charern Intachat: Selain daripada bahasa Cina dan Tamil, adakah bahasa-bahasa lbunda kaum lain di negara kita ini yang kini dipelajari di sekolah-sekolah?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, selain bahasa Cina dan Tamil, di negeri Sarawak langkah sudah diambil supaya bahasa Iban itu diajar sebagai salah satu bahasa Ibunda di sekolah-sekolah dan untuk sekolah-sekolah di Sabah pula bahasa Kadazan itu telah dimulakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi pengajaran

bahasa-bahasa Ibunda mengikut bangsa-bangsa yang ada di Malaysia ini dan adakah dasar ini sesuai dengan Dasar Penyatuan Bangsa dan memupuk perasaan taat setia kepada negara ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah jelaslah bahawa kemajuan yang telah dicapai di Malaysia menunjukkan bahawa soal tentang taat setia kepada negara tidak berkaitan langsung dengan bahasa-bahasa kerana pendirian kementerian ialah lebih bahasa yang dipelajari oleh murid-murid kita, lebih tinggilah semangat persaingan yang mereka perolehi yang membolehkan kita bersaing di forum antarabangsa. Selain daripada itu juga untuk mempertingkatkan semangat patriotisme kepada negara kita, kita telah memperkukuhkan kandungan aspek-aspek berkaitan dengan Malaysia dan taat setia kepada Malaysia dalam semua mata pelajaran dan kurikulum yang telah diajarkan melalui semua aliran sekolah.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah guru-guru yang mengajar bahasa Ibunda ini akan diberikan kursus khas, dan kalau ada di mana khususnya bahasa Kadazan Dusun yang baru diperkenalkan dan memandangkan ramai jumlah pelajar di dalam pengajian bahasa Ibunda ini, adakah kerajaan berhasrat pada masa akan datang mewujudkan sebuah maktab untuk bahasa Ibunda? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, langkah sudah diambil untuk memulakan kursus latihan bagi guru-guru dalam bahasa Ibunda

Kadazan Dusun itu supaya kita boleh ada lebih ramai guru dalam bahasa tersebut untuk memperluaskan rancangan kita.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan adakah di dalam mengikuti program bahasa Ibunda Cina dan Tamil diberi satu peluang kepada anak-anak Melayu untuk mengikuti bahasa itu kerana kita merasakan bahasa Cina dan Tamil di dalam masyarakat majmuk ini sepatutnya boleh berkomunikasi dengan bahasa-bahasa lain. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang tidak mengehendkan sesiapa untuk mempelajari apa-apa juga bahasa. Jadi, memang ada ramai pelajar dari kaum Tionghua yang mempelajari bahasa Tamil dan sebaliknya ada ramai pelajar dari kaum Melayu yang mempelajari bahasa Mandarin, Tamil dan sebaliknya.

VIRUS LUAR BIASA - PUSAT PERUBATAN MODEN

3. Datuk Khoo Keok Hai minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan berhasrat untuk menubuhkan satu pusat perubatan dengan kelengkapan-kelengkapan moden dan pakar-pakar perubatan untuk menganalisa virus yang luar biasa. Dengan adanya pusat perubatan ini, kita tidak payah terburu-buru meminta bantuan dari negara lain sepertimana wabak Virus Cocksackie B yang berlaku di Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan tujuh pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kini Kementerian Kesihatan memang telah ada kepakaran menganalisa virus yang luar biasa dan juga terdapat lain-lain pusat kecemerlangan dalam kepakaran bidang ini seperti Hospital Universiti, UNIMAS, USM, UKM dan lain-lain yang dapat dijalankan kajian dengan baik. Pada masa yang sama Kementerian Kesihatan telah merancang dan mendapat kelulusan untuk membina makmal kesihatan awam dan dijangka akan dapat disiapkan dalam tahun 2000. Penubuhan makmal kesihatan awam telah dirancang dan sedang dalam proses pelaksanaan. Tiga buah makmal tersebut dijangka akan siap pada Januari 1999. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, tiga makmal kesihatan awam telah dirancang iaitu sebuah makmal kesihatan awam pusat di Sungai Buluh, Selangor dan dua buah makmal kesihatan awam kawasan iaitu di Ipoh dan di Tampoi, Johor.

Tujuan utama makmal-makmal kesihatan awam adalah untuk:

- (a) menjalankan aktiviti-aktiviti surveillence, penyiasatan dan kajian makmal bagi penyakit berjangkit;
- (b) menjalankan pemantauan atau monitoring, dengan izin, dan pengawasan semua penyakit berjangkit yang boleh menyebabkan kemudharatan orang awam;
- (c) menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan Akta Kesihatan Awam yang berkaitan;

- (d) menyediakan tempat dan sokongan bagi perkembangan kemajuan kakitangan dan epidemiologi terutama penyakit berjangkit;
- (e) memastikan makmal-makmal yang sedia ada seperti di Institut Penyelidikan Perubatan, UNIMAS, USM dan UM juga menyediakan perkhidmatan penyediaan penyelidikan bioteknologi dan digunakan sepenuh masa bila berlaku wabak.

Kuman Coxsackie boleh menyebabkan komplikasi seperti sakit otot, myositis, bengkak hati (enlarge liver) dan komplikasi jantung dan tanda-tanda neurologi seperti lemah anggota atau flaccid paralysis, radang otak (aseptic meningitis) dan encephalitis yang boleh menyebabkan maut terutama di kalangan kanak-kanak.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan serta mempertingkatkan lagi pendidikan kesihatan mengenai penjagaan kebersihan diri dan alam sekitar yang telah menjadi sasaran utama semasa wabak penyakit enterovirus. Orang ramai adalah diminta untuk meningkatkan kebersihan diri dan persekitaran masing-masing. Kesedaran ini akan mengurangkan jangkitan penyakit berjangkit termasuk penyakit yang disebabkan oleh virus Coxsackie B dan enterovirus yang lain.

Memang Kementerian Kesihatan sedang dalam persiapan untuk membentuk satu pasukan gerak cepat kesihatan bagi menangani kejadian penyakit berjangkit tertentu. Sehingga kini penyiasatan terhadap punca

kematian tiga puluh orang kanak-kanak belum lagi dapat memastikan agen penyebabnya. Punca khusus kematian kanak-kanak tersebut tidak pernah diumumkan. Hanya virus-virus yang dikesan daripada sampel tertentu melalui ujian makmal diumumkan untuk makluman umum. Pengasingan virus-virus sampingan ini tidak bererti ianya menyebabkan kematian kanak-kanak tersebut.

Untuk mengatasi jangkitan enterovirus (Coxsackie), kerajaan telah pun mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- menggerakkan jentera kesihatan seluruh Malaysia di dalam mengawasi dan mengawal wabak seperti:
 - (a) menubuhkan Bilik Gerakan Kebangsaan Wabak Coxsackie di bahagian kawalan penyakit Kementerian Kesihatan pada 6 Jun 1997;
 - (b) menubuhkan bilik gerakan wabak Coxsackie peringkat negeri di setiap negeri;
 - (c) menyediakan wad-wad pengasingan di setiap hospital di seluruh negara bagi merawat pesakit;
 - (d) meningkatkan pengesanan kes dan rawatan di klinik atau hospital;
 - (e) pendidikan kesihatan mengenai wabak Coxsackie:
 - (i) telah membuka perkhidmatan Hotline selama 24 jam mulai 6.6.1997 untuk memberi penerangan

- kepada orang ramai mengenai wabak Cocksackie di Bilik Gerakan, Kementerian Kesihatan;
- (ii) membuat penyebaran maklumat kepada orang ramai melalui pengedaran bahan pendidikan bercetak;
 - (iii) melawat dan mengedar bahan pendidikan di pusat-pusat asuhan kanak-kanak, KEMAS, FELDA, pusat beli-belah, masjid, bank, tol plaza dan sebagainya;
 - (iv) menampal poster-poster di tempat strategik seperti stesen bas, teksi, kereta api, lapangan terbang, pusat beli-belah, pejabat pos, sekolah, tadika, surau dan masjid;
- (f) penyebaran maklumat juga dijalankan melalui media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar. Ceramah radio dan televisyen, tayangan slaid dan pengumuman spontan telah disiarkan sepanjang bulan Jun dan Julai. Maklumat ini juga disalurkan dalam bentuk multimedia dan interaktif melalui rangkaian kiosk informasi iaitu Terminal Maklumat Nasional (TEMAN) di mana pada masa sekarang terdapat 28 unit kiosk di Lembah Klang, 2

di Ipoh, 6 di Kota Kinabalu dan 2 di Kuching. Satu tele-info juga diwujudkan untuk membolehkan masyarakat mendapat maklumat melalui telefon;

- (g) mendapatkan maklum balas tambahan dari seluruh dunia mengenai penyiasatan rawatan kaedah pencegahan dan kawalan wabak melalui Internet;
- (h) mendapatkan bantuan kepakaran dan nasihat dari pakar-pakar kawalan penyakit dari pusat kawalan penyakit Atlanta bagi membantu bersama menyiasat wabak yang berlaku; dan
- (i) hasil kajian yang dibuat oleh pakar perubatan dari Amerika Syarikat menunjukkan virus EV71 telah dikesan semasa kajian. Walau bagaimanapun, penemuan virus ini masih belum dapat memastikan punca kematian sebenar kanak-kanak tersebut. Kementerian Kesihatan masih meneruskan kajian untuk mengenal pasti punca kematian.

Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan sehingga 26.7.1997 bagi seluruh Malaysia ialah 4,531 kes. Jumlah kematian akibat penyakit ini adalah 30 kes. Jumlah kes bagi Sarawak ialah 1,041.

Setakat ini Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun mempunyai satu pelan tindakan untuk mengawal wabak-wabak seperti ini di masa-masa hadapan. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- membuka bilik gerakan di peringkat negeri-negeri dan kebangsaan;
- menjalankan pendidikan kesihatan yang berterusan seperti menekankan aspek kebersihan diri;
- menambah peraturan di bawah Akta 243 Kawalan Penyakit Berjangkit (Jadual 1: 25 jenis penyakit yang telah diwartakan). Tambahan kepada senarai Jadual tersebut ialah semua kes myocarditis dan lain-lain jangkitan mikrobial yang mungkin menyebabkan kematian mestilah dilaporkan kepada pegawai kesihatan daerah berhampiran untuk tindakan selanjutnya mulai 15 Jun 1997;
- semua tindakan yang dijalankan di seluruh Malaysia akan diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia;
- sebagai tambahan, Kementerian Kesihatan telah menyediakan 3 jenis protokol. Protokol tersebut ialah:-
 - (i) protokol untuk kriteria kemasukan pesakit ke wad;
 - (ii) protokol untuk rawatan pesakit; dan

(iii) protokol untuk kajian makmal.

Protokol-protokol ini telah pun dihantar ke seluruh Jabatan Kesihatan Negeri-negeri, hospital-hospital kerajaan dan swasta. Protokol-protokol ini telah dikaji semula dari masa ke semasa untuk memastikan aktiviti rawatan dan pencegahan dipertingkatkan.

Jumlah perbelanjaan bagi mendapatkan khidmat pakar dari Centre of Disease Control, Atlanta, Amerika Syarikat, adalah RM17,394 untuk 2 orang yang telah berada di Sarawak mulai daripada 9 Jun 1997 sehingga 27 Ogos 1997. Perbelanjaan adalah untuk makan dan penginapan dan tambang perjalanan antara Kuching dan Sibu. Perkhidmatan yang diberi oleh pakar-pakar dari Jepun telah dibiayai oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pihak Kementerian Kesihatan telah memberi peruntukan tambahan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak sebanyak RM1.276 juta untuk membiayai usaha menangani jangkitan enterovirus.

Bilangan kumulatif pesakit jangkitan enterovirus yang telah dimasukkan ke hospital sehingga 27.7.1997 adalah 4,626 untuk seluruh Malaysia di mana 1,054 adalah dari Sarawak, 153 dari Sabah, 317 dari Kelantan, 206 bagi Terengganu, 298 dari Pahang, 401 dari Johor, 48 dari Melaka, 137 dari Negeri Sembilan, 469 dari Wilayah Persekutuan, 333 dari Selangor, 455 dari Perak, 384 dari Pulau Pinang, 351 dari Kedah dan 20 dari Perlis.

Jumlah kematian berkaitan dengan jangkitan enterovirus adalah 30:

- 9 atau 30% dari kumpulan umur 0-1 tahun;
- 13 atau 43.3% dari kumpulan umur 1-2 tahun;
- 6 atau 20% dari kumpulan umur 2-4 tahun;
- 1 atau 3.3% dari kumpulan umur 4-5 tahun; dan
- 1 atau 3.3% dari kumpulan umur 5-9 tahun.

Taburan kematian mengikut kawasan adalah:

- 14 (46.7%) dari Sibu;
- 6 (20%) dari Kuching;
- 5 (16.7%) dari Sarikei;
- 3 (10%) dari Miri;
- 1 (3.3%) dari Bintulu; dan
- 1 (3.3%) dari Sri Aman.

Taburan kematian mengikut kaum adalah:

- 18 (60%) Cina;
- 6 (20%) Iban;
- 4 (13.4%) Melayu;
- 1 (3.3%) Melanau; dan
- 1 (3.3%) Bidayuh.

Kementerian Kesihatan telah pun mempunyai kepakaran tempatan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan di pusat-pusat kecemerlangan seperti yang terdapat di Institut Penyelidikan Perubatan.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang minta laluan nampaknya.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adakah ini merupakan ucapan dasar atau jawapan kepada soalan yang ditanya?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini kerana ada banyak soalan yang berkaitan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh soalan lain lagi, dijawab semua pada hari ini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Jadi, saya jawab semua yang berkaitan, minta maaf kerana ia agak panjang. Tetapi penyakit ini pun kompleks, sebab itu ia terpaksa dijawab dengan agak begitu panjang. *[Ketawa]*

Dan di universiti tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains dan UNIMAS. Ini akan diperkukuhkan lagi dengan penubuhan beberapa makmal kesihatan awam oleh Kementerian Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kita mempunyai kepakaran dalam banyak bidang perubatan dan kesihatan dan pernah menyelesaikan masalah-masalah kesihatan tanpa bantuan luar seperti wabak taun di Pulau Pinang pada tahun 1996. Pakar-pakar negara ini juga telah berkhidmat sebagai pakar rujuk dalam bidang-bidang tertentu kepada institusi antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Kementerian Kesihatan menyedari hakikat

bahawa kita masih kekurangan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan juga kemudahan teknologi terbaru. Usaha-usaha sedang terus dibuat bagi melatih pakar-pakar dalam bidang tersebut untuk memperkukuhkan lagi kemampuan pusat-pusat kecemerlangan.

Tuan Yang di-Pertua, Penyakit Coxsackie Virus B ialah satu jenis penyakit yang disebabkan oleh sejenis kuman virus iaitu Virus Coxsackie B yang boleh menjangkiti kepada setiap orang. Punca utama rebaknya penyakit ini adalah berkaitan dengan tahap pengamalan kebersihan diri yang rendah oleh orang ramai dan begitu juga dengan tahap kebersihan alam sekitar yang didapati rendah. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah jawapan itu terlalu panjang sangat, saya tidak dapat hendak mengikutnya satu persatu. *[Ketawa]* Saya harap janganlah ada pihak kerajaan menjawab 20 soalan dalam satu hari, jadi tidak ada soalan yang boleh ditanya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya senang sahaja. Soalan tambahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jimatkan masa dan tidak datang lagilah kalau diberi selalu sangat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Tetapi kalau selalu datang lagi baik, dapat kita menatap wajah dia. *[Tepuk]*

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sepuluh tahun kebelakangan ini apakah jenis virus luar biasa yang menjadi luar biasa di Malaysia ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu terlalu teknikal, tetapi oleh kerana antivirus ini termasuk dalam kategori yang ditanya itu, 10 tahun kebelakangan ini virus Cocksackie ini termasuk dalam virus yang luar biasa. Jadi, seperti yang telah saya maklumkan bahawa oleh kerana kes ini merupakan satu keadaan penyakit yang di luar dugaan dan agak luar biasa, sebab itulah ianya mengambil masa dari segi kajian dan juga rujukan yang dilakukan bukan hanya oleh pakar dalam negara, tetapi pakar luar negara.

Namun demikian, yang ingin ditegaskan di sini ialah bahawa apa juga keadaan penyakit, termasuk kes antivirus yang luar biasa itu, memang ada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kementerian sama ada dari segi pusat-pusat kecemerlangan perkhidmatan kesihatan yang sudah diadakan ataupun dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan disiapkan makmal awam ataupun rujukan-rujukan dengan pakar-pakar antarabangsa yang kita sentiasa ada hubungan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan saya begini, saya bukannya hendakkan virus luar biasa Cocksackie ini, saya hendakkan virus luar biasa yang menjadi luar biasa di Malaysia ini 10 tahun selepas ini, misalnya HIV ialah satu yang luar biasa tetapi kita semua sudah tahu ini. Adakah virus

yang lain daripada ini? Ini yang saya hendak tujukan kepada Timbalan Menteri ini, tetapi dijawab Coxsackie, ini saya sudah fahamlah. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu perlu rujukan teknikal, jadi saya bukan ahli perubatan yang teknikal, saya perlu rujukan. Jadi, saya minta masa, saya tidak boleh jawab.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, Dato' kata tadi 7 soalan. Jadi, kalau 7 soalan, mesti ada 7 orang. Sepatutnya, biasanya beritahu soalan siapa, laki-laki atau perempuan, berapa haribulan? Jadi, kami ternganga-nganga yang mana satu tidak tahu, siapa punya 7 soalan yang sudah terjawab tadi? Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya minta maaf, saya tidak ada list itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh beri kemudian?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Boleh saya beri kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Dan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan datang lagilah pada masa akan datang, *[Ketawa]* hendak menjelaskan lebih lagi daripada hari ini.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Besok nanti Tuan Yang di-Pertua beri soalan yang sama juga suruh jawab. Kalau dia tahu nama, senang. Terima kasih.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, soalan saya ini pendek tetapi tepat. *[Ketawa]* Pertama sekali, apakah bentuk kepakaran yang ada di negara kita? Adakah virus penyakit sampah sarap ini adalah satu virus baru yang akan membawa kepada bentuk penyakit baru di negara kita. Dan adakah kita bersiap untuk menyediakan pakar-pakar dalam bidang penyakit yang berpunca daripada sampah sarap?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah pun memaklumkan tentang keadaan dan kedudukan kepakaran tempatan bagi tujuan penyelidikan pembangunan di pusat-pusat kecemerlangan seperti saya telah sebutkan dan juga dikukuhkan lagi dengan penubuhan beberapa makmal kesihatan awam. Buat masa kini walaupun kita sudah mempunyai cukup kepakaran tempatan dengan peralatan yang memadai, seperti kita mempunyai lab isolation, ada PCR technique dan sebagainya yang agak terbaru, kita juga sentiasa berhubungan dan bekerjasama dengan rangkaian makmal dan kepakaran seluruh dunia yang canggih seperti CDC dan institusi berkaitan. Sebab itulah kita tidak memerlukan wujud sebuah lagi institusi khusus, seperti yang pernah dibangkitkan oleh banyak pihak, oleh kerana ia melibatkan kewangan yang besar dan pakar-pakar khusus yang juga sukar didapati dan bertindih penggunaan.

Jadi, berkenaan dengan sama ada penyakit ini boleh merebak kepada satu penyakit yang complicated, sebab itulah perkara ini yang disebabkan

kepelikan penyakit ini yang belum pernah ditemui berlaku sehingga menyebabkan kes-kes kematian atau dengan bahasa perubatan or medical term, dengan izin, unusual cluster of paediatrics death. Seperti yang kita sedia maklum, perkara luar biasa yang berlaku ini biasanya akan memakan masa sedikit kerana ini adalah satu fenomena yang universal.

Jadi, langkah-langkah seperti yang telah diambil oleh kementerian ialah meneruskan pengesanan kes penyakit ini supaya kes-kes yang mengalami gejala tangan, kaki dan mulut akan terus dikaji untuk mengesan komplikasi dengan lebih awal dan meneruskan pemantauan (monitoring), seperti yang saya telah tekankan tadi, ke atas semua kes komplikasi jantung dan lain-lain jangkitan mikrobial yang mengancam nyawa dan ada kaitan dengan mikrobial yang kita sebutkan tadi, juga meningkatkan kerjasama dan jalinan hubungan semua pakar dalam Kementerian Kesihatan dalam dan luar negara.

Puan Faridah binti Abu Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk membesarkan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) atau menswastakannya?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kerajaan tidak mencadang untuk membesar IMR atau menswastakannya.

TEKSI LIMOUSINE DI KLIA SEPANG - NAMA SYARIKAT YANG MENDAPAT KONTRAK

4. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan nama-nama syarikat dan lembaga pengarah yang mendapat kontrak teksi limousine dari Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, tawaran untuk membekal dan mengendalikan perkhidmatan teksi lapangan terbang bagi Kuala Lumpur International Airport (KLIA) Sepang telah diberikan kepada syarikat usahasama antara Selecta Accord (M) Sdn. Bhd. dan Konsortium Usahawan Pengusaha dan Pemandu Limou LTAB (M) Bhd. ataupun KUPPL. Selecta Accord (M) Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar sebanyak RM20 juta dan modal dibenarkan RM25 juta. Manakala KUPPL mempunyai modal berbayar sebanyak RM6 juta dan modal dibenarkan RM10 juta. Ahli-ahli Lembaga Pengarah kedua-dua syarikat ialah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah untuk Selecta Accord ialah Encik Bardardin bin Ahmad dan Encik Ramlan bin Kamal, dan Lembaga Pengarah untuk KUPPL ialah Encik Yusof bin Lahir, Encik Mohd. Raus bin Othman, Encik Omar bin Talib, Encik Ali Rusdan bin Kahar, Encik Tham Yew Meng dan Encik Mohd. Naser bin Maisa. Sekian.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Soalan tambahan. Kita memang tahu limousine merupakan satu kenderaan yang amat penting kepada lapangan terbang kita yang baru di Sepang. Saya ingin bertanya soalan tambahan, berapakah tempoh lama kereta itu digunakan, sepuluh tahunkah, lima tahunkah, tujuh tahunkah. Kita lihat di Subang sekarang sudah lebih dari

sepuluh tahun pun ada, yang saya rasa sampai tidak layak diduduk oleh manusia, daif sangatlah. Itu sahaja, sekian, terima kasih.

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menetapkan tempoh usia kereta di Lapangan Terbang Sepang dan juga di Subang yang ada sekarang ini selama tujuh tahun sahaja. Oleh kerana sekarang di Subang ialah dalam proses peralihan untuk pergi ke Sepang, jadi tempoh lanjut masa itu diakhiri pada tahun ini. Jadi, keseluruhannya pada akhir tahun ini kita akan melihat teksi-teksi ataupun kereta sewa limo yang umurnya kurang daripada tujuh tahun.

PENYAKIT BERJANGKIT - KAWALAN TERHADAP PELAWAT DARI LUAR NEGARA

5. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal pelawat-pelawat dari negara-negara di mana penyakit-penyakit berjangkit masih lagi belum terkawal masuk ke Malaysia.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai beberapa mekanisme untuk mengawal penyakit berjangkit yang mungkin dibawa masuk ke Malaysia oleh pelawat-pelawat dari negara lain. Antara mekanisme yang dimaksudkan ialah:

- (i) Undang-undang Kesihatan Antarabangsa - Kerajaan Malaysia adalah salah sebuah negara yang mematuhi Undang-undang Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulation) 1969, dengan izin, di mana semua

pelawat dari negara yang berendemik Yellow Fever' diwajibkan mempunyai vaksinasi yang sah terhadap Yellow Fever. Mereka yang gagal berbuat demikian tidak akan dibenarkan masuk ke negara kita atau mereka perlu dikuarantin untuk tempoh tertentu sebelum dibenarkan masuk ke negara kita. Untuk pengetahuan semua negara yang berendemik Yellow Fever ialah negara-negara di Afrika Tengah dan Amerika Selatan.

- (ii) Survelen penyakit-penyakit berjangkit termasuklah kemunculan penyakit berjangkit sama ada penyakit yang telah diketahui ataupun baru. Pemantauan global ini dijalankan secara berterusan melalui pelbagai kaedah tradisi, seperti laporan dari World Health Organisation dan laporan dari Kementerian Kesihatan negara-negara bersempadan. Pemantauan juga turut diberi menggunakan teknologi terkini, iaitu melalui komputer atau Internet. Melalui pemantauan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia dapat menilai magnitud sesuatu wabak di sesebuah negara lain dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Beberapa contoh langkah-langkah yang telah diambil di masa-masa lalu ialah:

- (a) Wabak penyakit Hawar di India pada tahun 1995. Kementerian Kesihatan Malaysia telah memeriksa semua penumpang dari negara tersebut di pintu-pintu masuk yang berkenaan;
- (b) Wabak Ebola pada tahun 1996 di Kitwit, Zaire. Kementerian Kesihatan melalui pegawai kesihatan di pintu masuk utama di negara ini telah mengawasi penumpang-penumpang dari Zaire yang masuk ke negara ini semasa wabak tersebut berlaku;
- (iii) Warganegara Malaysia yang melawat negara lain. Warganegara Malaysia yang ingin melawat negara-negara lain juga sering nasihati supaya mengambil langkah-langkah kesihatan yang bersesuaian supaya mereka juga tidak akan dijangkiti sesuatu penyakit yang sedang berlaku atau mungkin berlaku di tempat yang mereka lawati dan membawanya balik ke negara kita. Contohnya:
 - (a) Wabak Meningitis di Afrika. Semua jemaah haji yang akan ke Tanah Suci diminta mengambil vaksin antimeningitis kerana dikhuatiri akan mendapati jangkitan dari jemaah haji lain dari

negara-negara yang berendemik penyakit Meningitis di Afrika.

- (b) Wabak-wabak lain. Malaysia juga perlu mengambil vaksin terhadap Yellow Fever jika ingin melawat negara-negara berendemik Yellow Fever. Mereka juga diminta untuk tidak melawat negara-negara tertentu yang sedang mengalami wabak sehinggalah wabak tersebut terkawal.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada berita yang mengatakan seorang kanak-kanak pekerja pendatang asing yang meninggal kerana penyakit Small Pox, di mana anak-anak kita di Malaysia sudah divaksinasi dengan pelalian Small Pox. Apakah pihak kementerian mempunyai prosedur tertentu untuk mengawal penyakit-penyakit yang dibawa oleh pendatang-pendatang yang dengan izin ataupun yang tanpa izin daripada negara-negara seperti negara Afrika, Bangladesh dan negara-negara sekitar ASEAN? Apakah sewaktu program pemutihan oleh Kementerian Dalam Negeri dijalankan, sama ada Kementerian Kesihatan juga ikut sama dalam proses pemutihan itu untuk memutihkan dari segi kesihatan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab berkenaan dengan soal menyaringkan (screening) tahap

kesihatan pekerja-pekerja asing dari segi yang rasmi, sah dan legal. Dari segi yang biasa dilakukan mereka ini mestilah perlu mendapat pengesahan daripada pusat-pusat kesihatan di negara-negara asal mereka yang telah pun dikenal pasti dan disah, divalidasikan oleh pihak kementerian, dan biasanya mereka yang datang kalau dibuat secara rambang (spot checking) oleh pihak Kementerian Kesihatan dan tahap mereka sangat rendah, bererti agak terkawal walaupun Kementerian Kesihatan sekarang ini sedang memulakan atau merancang, merencanakan satu sistem penyaringan kesihatan yang lebih detail di peringkat tempatan (local) dan tidak semestinya hanya bergantung kepada menentukan tahap kesihatan mereka oleh pihak kesihatan mereka di negara asal sekarang ini. Namun demikian, jika didapati mana-mana pekerja asing yang sakit kalau boleh dirawat, maka dirawatlah. Tetapi kalau didapati bahawa penyakit itu sukar dirawat atau boleh membawa maut atau boleh mengakibatkan penyerebakan wabak, seperti HIV-AIDS, Kusta dan sebagainya, mereka akan terus dihantar balik. Itu prosedur.

Dari segi yang tanpa izin, dasar Kementerian Kesihatan adalah untuk kepentingan kebangsaan (national security). Jadi, tugas kita bukan untuk menjawab betul atau tidak kemasukan atau keadaan sipekerja atau siapa-siapa yang dikatakan tidak legal itu. Tetapi yang penting ialah kita dapat mengawasi, mengetahui keadaan tahap penyakit itu. Apa yang penting kita tidak mahu penyakit sipesakit sama ada mereka itu tidak legal atau legal tidak akan

membebankan atau menjadikan satu fenomena national security dari segi kesihatan negara. Itulah tugas kementerian. Dari segi program pemutihan, memang Kementerian Kesihatan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penyakit yang disebabkan oleh virus Coxsackie B ini dianggap sebagai penyakit berjangkit. Kalau ya, bagaimana ianya tiba-tiba muncul dan merebak di Sarawak?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya baru menjawab sampai berpuluh-puluh kajang. It is penyakit berjangkit dan seperti yang kita katakan bahawa kita masih mengkaji dan terus mengkaji keadaan kedudukan penyakit ini walaupun kita telah dapat hasil kajian yang telah menunjukkan virus-virus yang telah didapati, tetapi masih belum lagi boleh kita membuat kenyataan bahawa itu merupakan punca kematian. Dengan sebab itulah kita juga tidak boleh memberi satu jawapan bahawa ia kenapa berlaku di Sarawak. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan laporan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Dato' tadi mengenai Kementerian Kesihatan, program dan perancangan yang begitu banyak, apakah para doktor dan pakar-pakar bagi mengatasi masalah penyakit ini mencukupi, sedangkan kita melihat bahawa peruntukan ataupun latihan kepada doktor-doktor itu dalam peratus yang terlalu kecil.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kementerian Kesihatan menyedari hakikat bahawa soal tenaga manusia memanglah satu perkara yang sentiasa diberi tumpuan dan penekanan, dan kewangan yang diperuntukkan untuk latihan juga diberi pertimbangan yang wajar. Jadi, tidak benar kalau dikatakan bahawa kita tidak beri tumpuan khusus terhadap soal latihan ini. Ada perkara-perkara lain yang menyebabkan berlaku di mana keadaan tidak seimbang wujud dalam sektor perkhidmatan perubatan kesihatan dari segi kerajaan oleh sebab begitu merebak dan begitu pesatnya pertumbuhan industri kesihatan dari segi swasta yang mempunyai ganjaran yang jauh lebih baik kalau dibandingkan dengan kemampuan yang boleh disediakan oleh pihak kerajaan.

RAKYAT BUTA HURUF - JUMLAH SECARA AM MENGIKUT WILAYAH DAN NEGERI

6. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa peratuskah sebenarnya rakyat Malaysia yang buta huruf masa kini:

- (a) secara am di seluruh negara; dan
- (b) mengikut negeri dan wilayah; dan

menyatakan juga sama ada benar atau tidak bahawa tradisi dan budaya sebahagian rakyat Malaysia menyebabkan buta huruf berkekalan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Berdasarkan kepada kajian Tabiat Membaca Malaysia 1996 didapati bahawa 93% rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas adalah celik huruf. Berdasarkan kepada fakta ini bolehlah dianggap bahawa kadar buta huruf di negara ini ialah kecil, iaitu 7% sahaja;
- (b) Berdasarkan kepada kajian tersebut juga, peratus rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas yang belum celik huruf pada masa kini mengikut negeri dan wilayah adalah seperti berikut:-

Negeri	Belum Celik Huruf
Negeri Sembilan	3%
Selangor	3%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	3%
Pulau Pinang	4%
Johor	4%
Perlis	6%
Melaka	16%
Pahang	7%
Perak	9%
Sabah	9%
Sarawak	9%

Kedah	11%
Kelantan	14%
Terengganu	14%

Bagi wilayah pula, Utara iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak - 7%. Tengah, iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan - 3%. Selatan, iaitu Melaka dan Johor - 5%. Timur, iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang - 11%. Sabah dan Sarawak - 9%.

Kajian tersebut juga mendapati bahawa sebahagian besar golongan rakyat Malaysia yang belum celik huruf adalah terdiri daripada mereka yang berumur 45 tahun ke atas. Kumpulan ini tidak mendapat pendidikan awal di peringkat kanak-kanak disebabkan peluang untuk mendapat pendidikan adalah terhad pada masa itu. Selain dari itu, kemudahan sekolah juga tidak meluas di kawasan luar bandar dan sistem pendidikan di zaman penjajahan tidak menyeluruh sehingga ke kawasan luar bandar. Faktor tradisi dan budaya masyarakat Malaysia bukanlah merupakan faktor utama yang mempengaruhi kadar buta huruf 7% pada masa kini.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar tadi Melaka 16% buta huruf. Adakah itu betul?

Dan saya hendak tahu apakah usaha kerajaan untuk mengatasi buta huruf ini kerana satu masa dahulu kerajaan mengadakan kelas dewasa dan sebagainya.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagi negeri Melaka 6% sahaja. Jadi, itu merupakan satu kadar yang boleh dikatakan rendah dibandingkan dengan negara-negara di timur misalnya.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, saya hendak tahu tadi apakah sebabnya wujudnya 6% buta huruf di Melaka ini dibandingkan dengan negeri-negeri lain sebanyak 3% dan sebagainya. Dan soalan yang kedua tadi masih belum berjawab, apakah usaha kerajaan untuk mengatasi buta huruf ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah terangkan, kebanyakan rakyat Malaysia yang masih buta huruf itu adalah di golongan yang berumur 45 tahun ke atas disebabkan mereka pada masa mereka kanak-kanak tidak ada peluang pendidikan di peringkat tersebut dan usaha-usaha untuk mengatasinya, Kementerian Pendidikan untuk mengurangkan buta huruf di kalangan orang-orang tua itu, kita adakan kelas-kelas lanjutan atau further educate class, dengan izin, untuk menggalakkan mereka membaca dan sebagainya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya apakah piawaian ataupun takrif yang membezakan antara celek huruf dan buta huruf, sebab di Malaysia ada orang kampung yang langsung tidak pandai membaca tulisan rumi tetapi dia boleh membaca Al-Quran, dia boleh membaca tulisan jawi dan ada orang Cina yang boleh baca

buku Romance of the Three Kingdom dalam bahasa Cina tetapi tak pandai bahasa Malaysia. Apakah mereka ini celek huruf atau buta huruf?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tafsiran yang digunakan ialah tafsiran antarabangsa iaitu sekiranya seseorang itu boleh berbahasa bertulis dalam salah satu bahasa tanpa mengira bahasa dan ia boleh berkomunikasi bertulis dalam satu bahasa itu sudah cukuplah, qualified dikategorikan sebagai celek huruf.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pertama sekali ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas jawapan tadi, satu soalan tambahan ialah adakah benar atau tidak terdapat sebahagian muda mudi di Malaysia ini antara umur sepuluh hingga tiga puluh tahun yang telah melalui sekolah menengah yang masih lagi buta huruf.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa ada golongan tertentu yang masih tidak dapat kesan daripada sistem pendidikan. Namun demikian, golongan itu adalah golongan kecil dan mungkin ada sebab-sebab tertentu seperti kebolehan dari segi mental distability dan sebagainya yang menyebabkan mereka haruslah tercicir dari sistem persekolahan mereka.

**DASAR PENGAMBILAN PELAJAR KE IPT - SAINGAN
ANTARA PELAJAR ALIRAN AGAMA DAN SASTERA**

7. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah dan tindakan kementerian berhubung dengan dasar baru pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan tidakkah dasar baru ini boleh menyebabkan ramai pelajar aliran agama tercicir disebabkan pelajar pendidikan agama terpaksa bersaing dengan pelajar aliran sastera untuk mengisi 40% lagi tempat di institusi pengajian tinggi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pelajar adalah berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke mana-mana universiti tempatan dengan syarat mereka memenuhi syarat kemasukan universiti yang dipohon. Ini termasuklah pelajar-pelajar aliran agama. Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam pemilihan calon ialah:-

- (a) pencapaian akademik dalam STPM/STP/HSC atau setara;
- (b) kombinasi mata pelajaran yang dimiliki oleh calon;
- (c) gred mata pelajaran calon untuk pengkhususan;
- (d) lulus temuduga/ujian kelayakan yang ditetapkan oleh sesebuah IPT bagi program-program tertentu;
- (e) bilangan tempat yang disediakan; dan
- (f) pencapaian akademik yang baik dalam peperiksaan SPM/SPMV/SPVM dan sebagainya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar kemasukan ke kolej matrikulasi swasta yang mensyaratkan pelajar-pelajar mendapat 5 Principal tetapi tidak termasuk Prinsipal dalam Bahasa Melayu dan Pendidikan Agama

Islam. Tidakkah ini merupakan satu diskriminasi kepada pelajar-pelajar sekolah agama?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kalau program yang bertujuan ialah program matrikulasi yang dijalankan oleh kolej-kolej swasta itu memang saya rasa dari segi keseluruhannya dasar kolej swasta ialah untuk meramaikan calon yang boleh masuk ke kolej-kolej tersebut. Saya pun tidak faham tentang kursus yang dirujukkan tetapi dari segi keseluruhannya, syarat-syarat yang ditentukan ialah untuk calon-calon yang mempunyai mata pelajaran atau latar belakang yang sesuai untuk program yang dipilih. Misalnya kalau seseorang itu hendak mengikut program kejuruteraan, kombinasi mata pelajaran memanglah terdiri daripada kursus-kursus sains dan sebagainya.

Jadi, namun demikian, saya akan mengkaji dakwaan Ahli Yang Berhormat itu dan akan menjawab secara bertulis secara teliti.

RUMAH KANAK-KANAK - BILANGAN RUMAH DAN KANAK-KANAK YANG DIADOPSI

8. **Dr. Yeow Seng Huat** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan rumah-rumah kanak-kanak yang ada di negara kita dan bilangan penghuni-penghuni mengikut umur jantina sejak tahun 1993; dan
- (b) bilangan kanak-kanak yang diadopsi berdasarkan umur jantina sejak tahun 1993; dan adakah kementerianya bercadang untuk mengurangkan masa yang diambil untuk menapis permohonan daripada bakal ibu bapa angkat dan/atau mempermudah proses permohonan itu.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Dr. Yeow Seng Huat terdapat sebanyak tujuh buah rumah kanak-kanak di negara ini iaitu:-
- (i) Rumah Kanak-kanak Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang.
 - (ii) Rumah Kanak-kanak Sultan Abdul Aziz Kuala Kangsar, Perak.
 - (iii) Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras.
 - (iv) Rumah Kanak-kanak Tengku Ampuan Fatimah, Kuantan, Pahang.
 - (v) Rumah Budak Laki-laki Tun Abdul Aziz, Melaka.
 - (vi) Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor.
 - (vii) Rumah Kanak-kanak Dato' Haji Bahbul, Sri Aman, Sarawak.

Mengenai bilangan penghuni mengikut umur, jantina dan keturunan sejak tahun 1993 hingga sekarang pula, saya berpendapat ianya akan

mengambil masa yang terlalu panjang untuk dibacakan dan jadual mengenainya adalah disediakan sebagai lampiran kepada naskah jawapan bertulis yang disediakan.

Walau bagaimanapun, saya akan memberi keterangan di Dewan yang mulia ini iaitu hanya jumlah besar sahaja mengikut kaum dan tahun.

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
1993	326	64	285	14	679
1994	391	53	286	22	752
1995	140	59	288	21	508
1996	493	84	270	17	864

- (b) Bilangan kanak-kanak di bawah umur tiga tahun dari institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diserahkan sebagai anak angkat sejak tahun 1993 sehingga sekarang (1997) adalah seperti berikut:-

Keturunan Bilangan Kanak-kanak

Melayu 59

India 8

Cina	<u>10</u>
Jumlah	<u>77</u>
	==

Tuan Yang di-Pertua, dalam program pengangkatan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, semua permohonan dibuat kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah di mana pemohon tinggal. Selain menerima permohonan, satu laporan latar belakang pemohon akan disediakan untuk kelulusan Ibu Pejabat Kebajikan Masyarakat. Proses penapisan permohonan di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengambil masa tidak lama hanya dua hari pun boleh, tetapi tawaran kanak-kanak yang sesuai untuk dijadikan anak angkat mengambil masa yang agak lama kerana:-

- (i) bilangan kanak-kanak yang sesuai adalah terhad manakala pemohon yang diletak dalam Senarai Menunggu terlalu ramai; dan
- (ii) kanak-kanak yang diberi perlindungan di rumah kanak-kanak yang tersebut bukan semuanya untuk diserahkan sebagai anak angkat atau anak pelihara. Mereka diberi perlindungan sementara atas permohonan ibu bapa/penjaga di mana mereka akan

dikembalikan kepada keluarga apabila tamat tempoh perintah mahkamah.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah rumah kanak-kanak yang didirikan oleh pihak persendirian sama ada persatuan ataupun persendirian peribadi, adakah rumah-rumah demikian didaftarkan, adakah prosedur mesti dan diwajibkan didaftarkan dan diawasi oleh pihak kementerian kerana ada terdengar pengurusan rumah-rumah kanak-kanak ini menyelewengkan derma-derma yang disampaikan oleh orang ramai. Setakat ini adakah kes-kes seperti itu dilaporkan kepada kementerian dan tindakan telah diambil.

Selain dari itu, adakah pihak kementerian mengawasi rumah-rumah ini supaya umpamanya, kanak-kanak yatim yang dihantar ke rumah itu hidupnya lebih baik daripada kehidupannya di luar kerana ada rumah yang saya lihat lebih menonjolkan sikap keanakyatiman kanak-kanak itu daripada kalau dia tinggal dengan keluarga, sebab di rumah itu dibina suasana yang menekankan keanakyatimannya. Adakah ini baik untuk perkembangan seseorang kanak-kanak itu.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, senarai rumah kanak-kanak yang saya sebutkan tadi iaitu ialah 100% di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ertinya tanggungjawab oleh kerajaan, adakah kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Berkenaan dengan rumah kanak-kanak yang lain, yang dijaga oleh badan-badan NGO, itu tidak termasuk dalam senarai yang saya sebutkan kerana sekiranya rumah-rumah seperti ini tentu kalau ada yang tidak mengikut arus yang sempurna, mengikut oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentu perkara ini telah sampai kepada kerajaan. Jadi, oleh kerana itu saya tidak ada mendengar apa-apa dakwaan mengenai dengan rumah kanak-kanak yang dijaga oleh NGO.

Berkenaan dengan bagaimana kanak-kanak yang dijaga oleh rumah kanak-kanak kalau mereka memang dari awal tidak ada orang menjaga, tentu sekali apabila dia dijaga oleh rumah kanak-kanak yang tersebut yang senarai saya sebutkan tadi, tentu sekali mereka akan dijaga dengan cukup dan akhirnya memang lebih baik daripada kalau tidak dijaga oleh kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapa ramaikah bilangan kanak-kanak tanpa waris ataupun kanak-kanak luar nikah yang ditempatkan di pusat perlindungan kanak-kanak ini dan bagaimanakah pihak pengurusannya memelihara kanak-kanak ini?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada bilangannya tetapi perkara ini memang cukup dijaga oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di rumah-rumah yang kita sebutkan tadi. Fasal pemeliharaannya, memang ada tetapi senarainya berapa saya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 37 akan dijilid dalam buku berasingan].

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN
AHLI FARMASI (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang dinamakan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1991 telah diwujudkan untuk mendaftarkan pengamal-pengamal farmasi dan mengawal pengamalan farmasi di negara ini. Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Lembaga Farmasi untuk mendaftar ahli-ahli farmasi dan pertubuhan perbadanan dan seterusnya mengawasi pengamalan farmasi di negara ini. Lembaga Farmasi yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan selaku pendaftar Lembaga Farmasi. Ahli-ahli lembaga terdiri daripada:

- (i) Seorang daripada universiti tempatan;
- (ii) seorang ahli farmasi dalam perkhidmatan awam;
- (iii) seorang ahli kimia daripada Jabatan Kimia;

- (iv) dua orang dicalonkan oleh Persatuan Farmasi yang diwakili oleh ahli farmasi dalam pihak swasta.

Keahlian ini tidak mencerminkan keperluan-keperluan semasa. Dalam tahun 1953 bilangan ahli farmasi yang didaftarkan hanyalah 49 orang dibandingkan dengan 2,303 orang pada akhir tahun 1996. Tambahan pula ahli kimia dalam lembaga ini tidak mempunyai kaitan dengan pengamalan farmasi. Perwakilan dari kedua-dua pihak swasta dan kerajaan juga tidak mencukupi untuk meliputi semua aspek pengamalan farmasi.

Lembaga Farmasi juga memainkan peranan dalam mengawasi pengamalan farmasi dan mengambil tindakan tatatertib terhadap ahli-ahli farmasi berdaftar dan pertubuhan perbadanan berdaftar yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang berhubung dengan racun, dadah berbahaya, bahan terapeutik dan juga melanggar peruntukan tata kelakuan yang ditetapkan oleh Lembaga Farmasi. Beberapa kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh Lembaga Farmasi ini kini ialah seperti berikut:

- (i) Siasatan untuk setiap kes mengenai tindakan tatatertib perlu dikendalikan secara langsung oleh Lembaga Farmasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan selaku pengerusi Lembaga Farmasi;
- (ii) Penalti tunggal di bawah Seksyen 17 bagi mereka yang melakukan kesalahan ialah pembatalan pendaftarannya dan tiada

hukuman yang lebih ringan atau setimpal seperti penggantungan pendaftaran bagi satu tempoh masa.

- (iii) Di bawah Seksyen 19 mereka yang tidak berpuas hati dengan keputusan pendaftaran atau pembatalan pendaftarannya boleh membuat rayuan kepada Menteri Kesihatan dan keputusan Menteri adalah muktamad. Walau bagaimanapun, akta ini tidak ada peruntukan kepada mereka yang dikenakan tindakan tatatertib lain untuk membuat rayuan kepada Menteri Kesihatan; dan
- (iv) Siasatan di bawah akta sekarang hanya boleh dikendalikan oleh Lembaga Farmasi. Ini menyebabkan Lembaga Farmasi melaksanakan dua tugas iaitu membuat siasatan dan menentukan keputusan serta hukuman.

Memandangkan keahlian Lembaga Farmasi tidak membayangkan keperluan sekarang, Kementerian Kesihatan mencadangkan keahlian Lembaga Farmasi diperluaskan supaya mendapat perwakilan dari pelbagai bidang pengamalan farmasi dengan meminda Seksyen 3(1) untuk meningkatkan bilangan keahlian seperti berikut:

- (i) Ketua Pengarah Kesihatan Ex-Officio;
- (ii) Pengarah Perkhidmatan Farmasi Ex-Officio;
- (iii) Lapan orang ahli farmasi berdaftar dalam perkhidmatan awam untuk mewakili pelbagai aktiviti dalam perkhidmatan farmasi;

- (iv) Tiga orang ahli farmasi berdaftar dari institusi pendidikan tinggi tempatan. Setakat ini ada tiga buah institusi pengajian tinggi yang mempunyai pusat pengajian jabatan farmasi;
- (v) Dua orang ahli farmasi yang tidak dalam perkhidmatan awam yang dilantik oleh menteri;
- (vi) Tiga orang ahli farmasi berdaftar dicalonkan oleh pertubuhan farmasi yang mewakili ahli-ahli farmasi yang berkhidmat dalam sektor swasta. Keahlian ahli kimia yang tiada kaitan dengan pengamalan farmasi dicadang digugurkan. Semua ahli lembaga hendaklah warganegara Malaysia.

Penambahan keanggotaan lembaga ini juga bermakna kuorum bagi mesyuarat lembaga perlu ditambahkan. Kementerian ini mencadangkan kuorum tersebut dipertingkatkan dari lima kepada sembilan orang dengan meminda subseksyen 4(4).

Seterusnya kementerian ini berpendapat bahawa pindaan juga perlu dibuat ke atas hukuman tunggal iaitu pembatalan pendaftaran ke atas ahli farmasi atau pertubuhan perbadanan yang melakukan kesalahan. Oleh itu kementerian ini mencadangkan satu seksyen baru; 18A untuk menggantikan hukuman tunggal ini dengan pelbagai tindakan tatatertib termasuk amaran dan penggantungan pendaftaran bagi satu tempoh masa. Hukuman dicadangkan ini adalah wajar dan setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Dalam

seksyen baru ini Kementerian Kesihatan juga mencadangkan bahawa Lembaga Farmasi diberi kuasa untuk memerintah ahli farmasi, pertubuhan perbadanan atau pengadu yang terlibat, membayar kos kepada pihak yang berkenaan pada akhir siasatan. Kos itu boleh dituntut sebagai hutang sivil.

Untuk meringankan beban ahli-ahli Lembaga Farmasi dari prosiding siasatan yang memakan masa yang panjang, Kementerian Kesihatan mencadangkan satu subseksyen baru 22(1)(b)(a) supaya suatu jawatankuasa siasatan boleh ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas aduan atau maklumat tentang apa-apa perkara yang boleh di bawah peruntukan akta ini disiasat oleh Lembaga Farmasi. Ini akan membolehkan Lembaga Farmasi menumpukan usahanya dalam membuat keputusan dan penalti ke atas laporan jawatankuasa siasatan. Tindakan ini akan disusuli dengan pindaan kepada Peraturan Pendaftaran Ahli Farmasi 1952 untuk memberi peruntukan pelantikan pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa siasatan serta prosedur menjalankan siasatan.

Berikutan dengan cadangan untuk mengadakan pelbagai hukuman, Kementerian Kesihatan juga mencadangkan pindaan dibuat kepada Seksyen 19 di mana mereka yang dikenakan pelbagai hukuman seperti penggantungan pendaftaran atau dicela oleh Lembaga Farmasi selepas siasatan boleh merayu kepada menteri. Keputusan menteri adalah muktamad. Tindakan ini adalah sejajar dengan peruntukan sekarang Seksyen 19 di mana mereka yang tidak

berpuas hati dengan pembatalan nama atau kegagalan mengekalkan namanya dalam daftar boleh merayu kepada menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1991 yang disebutkan di atas perlu dan tepat pada masanya supaya dapat memperkukuhkan serta meningkatkan lagi keberkesanan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1991 dibacakan kali yang kedua sekarang; dan terbuka untuk dibahas. Tuan Ding Seling.

3.53 ptg.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lanjutkan terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri dan pihak Setiausaha Dewan Negara kerana telah

menghantarkan bil-bil yang relevan sebelum ini kepada kita ahli-ahli sekalian supaya mendapat sedikit masa untuk membuat sedikit sebanyak homework. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan tahniah dan ucapan terima kasih kepada kerajaan amnya dan khususnya kepada Kementerian Kesihatan atas usaha yang begitu gigih dalam dua, tiga bulan yang lalu ini berkaitan dengan wabak penyakit yang berkaitan dengan virus Coxsackie B yang tadi juga Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab soalan. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana negeri saya - Sarawak, di mana saya berada adalah negeri yang ditimpa oleh penyakit ini secara begitu teruk. Terima kasih kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin tumpukan perhatian kepada akta di hadapan kita ini. Seperti kita sedia maklum, Registration of Pharmacist Act 1991 dan juga Akta Racun, ataupun Poison Act 1952, dengan izin, merupakan dua akta yang begitu penting dalam menjadi panduan bagi para profesional dalam profesion pharmacist dan juga perubatan. Dan seperti kita sedia maklum, dari tarikh akta itu digubalkan adalah lebih daripada 40 tahun atau hampir 50 tahun dahulu - hampir satu abad dan ianya yang sangat penting ialah direka oleh kerajaan 'colony' dahulu. Saya rasa di masa mereka merekakan akta itu mereka tidak dapat mengkhayalkan, menjangkakan apa dia keadaan negara Malaysia, malah pada masa itu saya ingat mereka tidak fikirkan

Malaysia akan wujud seperti sekarang. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tadi ada butir-butir yang tertentu di mana mereka tidak boleh khayalkan, misalnya bilangan pharmacist adalah begitu kurang, maka akta ataupun butir-butir yang dikemukakan pada masa itu memanglah tidak mencukupi untuk mengawal keadaan pada masa sekarang.

Oleh yang demikian, saya rasa walaupun saya mengambil baik mengenai usaha kementerian untuk membuat pindaan ini, ada beberapa perkara yang saya ingin kemukakan. Ini adalah dengan tujuan untuk membangun secara positive, dengan izin, dan bukan hanya untuk mengkritik kerajaan.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Pendaftar Ahli Farmasi 1991 yang telah pun di 'revise' ataupun diubahsuaikan pada tahun 1989 dahulu, kita lihat dari beberapa aspek. Saya telah mendapat Registration of Pharmacist Act 1991 itu iaitu yang di 'revise' pada tahun 1989, di mana dalam Seksyen 2(1) berbunyi begini:

“This Act shall apply only to the State of West Malaysia”

Memandangkan bahawa tidak ada pengubahsuaian selepas 1989, saya tertanya-tanya kepada diri saya sendiri, adakah akta ini iaitu akta ibunya iaitu 1951 dan juga yang kita sedang bincangkan sekarang ini, adakah ini hanya untuk Semenanjung Malaysia sahajakah ataupun adakah ini salah istilah yang mana dikatakan 'only to the State of West Malaysia'.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh sedikit mengenai tujuan akta ini. Ada dua perkara yang dikemukakan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang pertama ialah mengenai bilangan Lembaga Farmasi, yang keduanya ialah mengenai hukuman iaitu satu Seksyen baru 18A yang mana kementerian dengan begitu prihatin akan mengambil tindakan apabila ada penyelewengan. Saya rasa ini adalah baik. Walau bagaimanapun, kedua-dua aspek ini saya rasa kurang mencukupi.

Saya rasa ini kurang mencukupi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertama sekali pengubahsuaian ini dengan menyentuh dua perkara ini sahaja adalah kurang berpandangan hadapan. Saya rasa tidak lama lagi mungkin kita perlu untuk mengubahsuaikan lagi akta ini, satu yang saya sudah sebut tadi yang meninggalkan kawasan di Sabah dan Sarawak. Yang keduanya, saya rasa sangat begitu penting, akta ini tidaklah begitu menyeluruh dan tidak begitu berprogresif. Kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selalu menyatakan konsep 'smart partnership'.

Apabila saya membaca akta ini dan juga melihat akta ibunya, ada dua perkara yang saya fikirkan iaitu apakah peranan ahli-ahli farmasi yang sekarang ini bertugas sebagai farmasi masyarakat ataupun orang-orang yang menjual ubat di kedai-kedai. Apakah tugas mereka, adakah peranan dan tugas-tugas mereka, tanggungjawab mereka diambil kira secukupnya iaitu bersama-sama

dengan pihak kerajaan dari segi Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Farmasi, adakah mereka boleh bekerjasama membimbing satu sama lain untuk menjaga kesihatan negara kita ataupun tidak. Adakah akta ini mencukupi, kalau tidak, apakah yang harus dilakukan? Adakah kita harus membuat satu rombakan yang lebih menyeluruh.

Saya sentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi hak pharmacist itu. Ia adalah seorang profesional yang memberi ubat ataupun dispensing, dengan izin, kalau kita lihat dari segi latihannya dan juga kawannya yang lain, iaitu doktor perubatan tugas utamanya adalah untuk mengenal pasti penyakit dan dari segi aspek itu, kedua-dua peranan itu mengenal pasti ataupun diagnosis, dengan izin. Adakah kepakaran kedua-dua profesional ini, dari segi doktor perubatan dan pharmacist itu diambil kira ataupun tidak dalam akta ini? Nampaknya dalam akta ini kita hanya fikirkan dari segi pendaftaran pharmacist sahaja, kita tidak lihat dari aspek tugas mereka untuk masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sentuh perkara ini dari segi pembangunan latihan di peringkat tinggi dalam negara kita ini. Saya tidak lihat sama ada akta ini juga ambil kira bahawa di universiti-universiti negara kita ini ada pengajian yang melatih para pharmacist. Jadi, dari setahun demi setahun memang ada pelajar-pelajar yang lulus daripada universiti itu. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebutkan beberapa pengajian tinggi yang ada memberi latihan itu, tetapi saya rasa sebutan seperti itu adalah tidak

mencukupi, minta maaf, kerana kita tidak akan melihat secara langsung, secara lebih teliti bagaimana mereka yang lulus dengan degree pharmacist nanti akan bertugas dalam masyarakat kita.

Kita sedia maklum, tiga universiti yang memberi pengajian pharmacist, dan saya ingat ada lagi satu institusi tinggi yang lain. Saya harap pada masa hadapan, ini harapan saya, UNIMAS pun akan memberi kursus ini oleh kerana sekarang kita ada kursus perubatan di UNIMAS. Saya harap kursus melatih pharmacist adalah satu kursus yang meng'complement'kan kursus perubatan. Oleh yang demikian, saya harap kalau tidak sempat dalam sesi ini ataupun sesi yang akan datang, kerajaan khususnya kementerian ini akan mengambil kira bagaimana caranya untuk meminda akta ini bagi menentukan bahawa profesional ahli farmasi dan juga perubatan akan bertugas dengan begitu berkesan bagi kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum dalam hospital kerajaan - ini saya ulang lagi sedikit mengenai tugas pharmacist tadi - di hospital kerajaan kita sedia maklum, pihak doktor adalah khusus untuk mengenal pasti ataupun diagnose penyakit pesakit-pesakit yang mereka lihat ataupun examined, dengan izin. Selepas penyakit mereka di'diagnose', maka mereka akan memberi rekomendasi kepada pihak Jabatan Farmasi. Di sini kita sedia maklum bahawa dalam amalan kita di peringkat awam, iaitu hospital-hospital kerajaan, kita sudah pun mengenal pasti atau mengiktiraf tugas mereka itu, iaitu

mengasingkan tugas mereka. Apakah kita tidak juga mengiktiraf tugas mereka di peringkat swasta, misalnya dalam klinik-klinik biasa, klinik-klinik doktor di mana kita sedia maklum sekarang ini di klinik doktor itu kita akan diperiksa kalau kita sakit dan doktor juga akan memberi kita ubat. Yang memberi dispensing, dengan izin, ialah pembantunya. Pembantu doktor itu biasanya ialah nurse biasa ataupun orang yang tidak terlatih secara langsung mempunyai latihan yang begitu tinggi dalam bidang perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa keadaan itu adalah kurang baik oleh kerana kemungkinan doktor tadi apabila melihat pesakit, fikirannya adalah tertumpu kepada pesakit itu dan mungkin pengetahuannya adalah kurang dari segi chemistry atau mengenai ubat/farmasi. Oleh yang demikian, kemungkinan ada berlaku kesilapan apabila beliau membuat cadangan apa ubat yang sesuai. Apabila diberi kepada pembantunya untuk memberi ubat tadi, pembantunya biasanya yang kita lihat dan dengar juga adalah hanya mengikut apa yang doktor telah cadangkan tadi. Tetapi sekiranya cadangan (recommendation) itu diberi kepada seorang pharmacist yang terlatih, yang mempunyai pengetahuan secara khas, secara langsung, secara yang baik mengenai ubat, kemungkinan kesilapan boleh dikurangkan ataupun ada kemungkinannya kedua-dua pihak tadi, pharmacist dan doktor, mungkin bertanya di antara satu sama lain. Sekiranya pharmacist kurang setuju adakah ubat ini betul ataupun dia was-was ataupun kurang pasti, kemungkinan dia akan menelefon atau menghubungi

pihak doktor dan bertanya sama ada ubat ini sesuaikah atau tidak mengikut kepakaran satu sama lain. Itulah satu perkara yang saya rasa belum ataupun tidak dipegang dengan begitu tepat dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita pun sedia maklum bahawa latihan yang dilakukan oleh para doktor mengenai ubat. Sekarang saya sentuh dari segi orang yang membuat general practitioner adalah kurang sangat walaupun kita tahu bahawa seorang pakar doktor atau seorang doktor general practitioner, dengan izin, mendapat latihan lebih kurang 6 tahun sebelum menjadi houseman dalam tahun ke-7. Tetapi dari segi latihannya, dari segi ubat, saya termaklum oleh rakan yang menjadi doktor, mereka hanya belajar beberapa minggu sahaja dalam satu tahun kursus mereka. Tetapi kalau dibanding dengan pharmacist, itulah tugas mereka, mulai dari tahun satu sehinggalah mereka tamat. Aspek ini kurang sangat disentuh oleh akta yang ada pada kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sentuh kepada lembaga baru yang dicadangkan. Saya rasa ini adalah sangat baik, iaitu menambahkan bilangan menyatakan bahawa Director General, dengan izin, menjadi pengerusinya dan sebagai timbalannya ialah Pengarah daripada Perkhidmatan Farmasi. Saya kurang pasti sama ada ini tepat ataupun tidak. Adakah Ketua Pengarah Kesihatan ini sebagai *ex-officio*, seorang yang sesuai dan boleh mempunyai masa untuk menjaga perkara ini ataupun di sebaliknya. Adakah

nanti ia mempunyai orang membantunya untuk menentukan bahawa beliau boleh menumpukan perhatian kepada perkara ini.

Yang keduanya dalam aspek ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam cadangan pindaan kepada akta ini, iaitu subseksyen (1) (c). Saya ingin bertanya apakah dasar Menteri melantik lapan orang ahli berdaftar dalam perkhidmatan awam? Kita ada 13 negeri dalam Malaysia ini, adakah ini bermakna pihak Menteri untuk melantik sesiapa yang sesuai sahaja dan ada sebahagian negeri yang tertinggal, yang tidak mempunyai wakil ataupun bagaimana? Saya ingin tahu apakah dasar 'lapan orang' itu?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya juga mengenai subseksyen (1) (d) di mana dinyatakan di sini, tiga orang ahli farmasi berdaftar dari mana-mana institusi pendidikan tinggi. Saya sudah sebut tadi bahawa negeri kita ini mempunyai banyak universiti yang mungkin menawarkan kursus atau program farmasi kemudian hari nanti, selain daripada universiti-universiti yang sudah ada iaitu UM, UPM, USM dan seterusnya. Bagaimana nanti kalau UNIMAS misalnya ada menawarkan kursus atau program ini? Adakah elok bagi kita untuk membuat satu cadangan di mana seorang dari institusi pendidikan tinggi, instead of, dengan izin, menyatakan tiga, seperti yang telah pun dinyatakan dalam subseksyen (1) seksyen 3 di sini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bertanya juga mengenai subseksyen (1) (e) dan (f). Saya kurang pasti berapakah persatuan-persatuan

pharmacist di negara kita ini. Saya mendapat tahu bahawa tidak kurang daripada tiga, sama ada lebih daripada itu ataupun tidak?

Saya ingin cadangkan di sini supaya sekurang-kurangnya ada seorang daripada satu persatuan, dan kalau boleh seorang daripada kawasan tertentu sekiranya ada lebih daripada satu persatuan dalam sesuatu kawasan. Misalnya, kalau di Sarawak, saya dari Sarawak, kalau kita ada lebih daripada satu persatuan di situ, saya rasa eloklah ada wakil sekurang-kurangnya satu daripada situ. Saya anggapkan bahawa akta ini nanti tidak mengetepikan Sabah dan Sarawak seperti yang saya sebut awal-awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi hukuman yang telah dicadangkan dalam seksyen baru iaitu Seksyen 18A dan seterusnya, saya tidak mempunyai komen, tetapi hanya satu pertanyaan bagaimana sekiranya kes-kes yang dilapor kepada lembaga itu tidak betul ataupun oleh kerana ada laporan-laporan yang tidak benar disampaikan kepada lembaga, maka seseorang yang dilaporkan itu akan diambil tindakan dan ia menjadi mangsa. Walaupun di sini dinyatakan dia boleh membuat appeal ataupun rayuan, adakah ini bermakna dia sudah pun dianggap sebagai telah melakukan kesalahan ataupun di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh dalam akta ini, iaitu mengenai mereka yang kita tahu menjual ubat. Saya sudah sentuh mengenai farmasi, iaitu mereka yang menjual ubat di kedai-kedai tertentu. Tetapi kita sedia maklum ada juga orang-orang lain seperti dukun-dukun yang

menjual ubat di hulu-hulu sungai, kemungkinan juga ada orang yang pergi menjual ubat dalam nama pharmacist tertentu. Saya sebut perkara ini bukan dari segi khayalan, tetapi pernah berlaku di tempat-tempat hulu sungai dari mana saya datang. Saya pernah lihat ada orang jual ubat dan juga saya pernah dengar cerita begitu berlaku. Ada yang melakukannya dalam nama pegawai-pegawai kerajaan pun. Adakah akta ini ataupun apakah tindakan kerajaan untuk menentukan perkara itu tidak menjadi penyakit dalam masyarakat kita. Dalam erti kata yang lain saya bertanya sekali lagi adakah akta kerajaan boleh melihat ataupun mengawal dan melihat keadaan pharmacist, tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat kita, kerana mereka yang menjual ubat walaupun dukun-dukun, walaupun seperti yang disebut oleh rakan saya dalam sesi dahulu, orang yang mempunyai kepakaran mengenai Tongkat Ali itu, mereka juga mempunyai kesan pengaruh yang begitu kuat di hulu-hulu sungai ataupun di tempat-tempat pedalaman. Begitu juga singse, tukang ubat Cina, bagaimana kita hendak melihat keadaan ini, adakah tindakan-tindakan mereka itu luar daripada kawalan kerajaan ataupun di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya ingin mengatakan bahawa saya ingin memohon supaya kerajaan khususnya kementerian melihat dan meneliti akta ini lebih mendalam lagi supaya membuat rombakkan yang lebih menyeluruh, dan khususnya kerana saya dari Sarawak saya ingin minta

sekali lagi kenapakah akta ini meninggalkan - this act apply only to the state of West Malaysia, meninggalkan Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Rahim bin Baba.

4.19 ptg.

Datuk Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta untuk memberikan pandangan dan seterusnya menyokong akta yang dinamakan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997. Terlebih dahulu saya ingin menyentuh soal Lembaga Farmasi yang telah pun ditambahkan keanggotaannya seramai 18 orang. Saya dapati ahli-ahli Lembaga Farmasi yang dilantik adalah merupakan mereka yang terlibat di dalam ubat-ubatan ataupun mereka yang mempunyai kelulusan ataupun kepakaran dari segi ubat-ubatan dan juga dari segi farmasi. Tetapi satu perkara yang perlu juga kita ingat ialah mahu tidak mahu kedai-kedai farmasi ataupun perniagaan farmasi ataupun ubatan-ubatan ini terlibat dengan orang ramai. Jadi, apakah salahnya tidak difikirkan untuk dimasukkan juga ahli-ahli persatuan pengguna ataupun ahli-ahli badan-badan bukan kerajaan yang lain untuk menganggotai Lembaga Farmasi ini supaya ianya dapat umpamanya persatuan-persatuan pengguna dapat memberikan pandangan terhadap kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh ahli-ahli farmasi dan juga oleh kedai-kedai farmasi, kerana pengguna adalah terlibat secara langsung dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh ahli-ahli farmasi dan juga oleh kedai-kedai farmasi.

Begitu juga sepatutnya difikirkan penyertaan mereka yang terlibat di dalam perniagaan farmasi ini supaya mereka ini juga diwakili supaya pandangan-pandangan mereka ini juga dapat diambil kira. Tetapi dalam akta ini, saya tengok akta ini terlampau ketat sangat, tidak ada ruang untuk memasukkan ahli-ahli persatuan pengguna ataupun memasukkan badan-badan NGOs yang lain untuk menyertai ataupun untuk mendapatkan pandangan di dalam Lembaga Farmasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh soal yang mana tadi telah pun disentuh oleh sahabat saya mengenai setengah-setengah mereka yang menjual ubat-ubat ini yang kadangkala disalah takrif oleh pengguna-pengguna. Ada perbezaan di antara ubat dengan makanan kesihatan, ini dua perkara yang berbeza. Tetapi apa yang kita dapati kadangkala baik di televisyen ataupun di radio, mereka yang menjual bahan-bahan ataupun makanan kesihatan seolah-olah menggambarkan mereka ini menjual ubat-ubatan. Ini dua perkara yang berlainan, ubat lain, makanan kesihatan lain. Umpamanya, saya hanya ingin menyentuh ada orang yang menjual Sharly, Ginseng, Lin Tse yang selalu diberi oleh sahabat saya kepada saya, 'Sun Cholera' dan sebagainya. Ini bukannya ubatan, tetapi ianya adalah merupakan makanan kesihatan. Tetapi ianya disalah anggap oleh masyarakat bahawa barang-barang yang dijual ini adalah merupakan ubat dan yang melakukan kesalahan, kesilapan ialah mereka yang menjualnya, mereka yang menjadi ejen-ejen, biasanya agensi-agensi direct

selling ataupun jualan langsung yang memberikan penerangan yang salah. Jadi, di manakah akta ini boleh memainkan peranan supaya penjelasan yang sejelas-jelasnya dapat diberikan kepada pengguna dan juga pengguna dapat membezakan di antara ubat dan makanan kesihatan.

Begitu juga baru-baru ini kita dengar Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kata hampir 60% daripada ubat-ubatan yang dijual di negara ini adalah terdiri daripada yang bukan asli ataupun ubat-ubat tiruan. Selepas itu perkara ini pula disangkal oleh Menteri Kesihatan sendiri. Saya percaya kedua-duanya mempunyai fakta yang betul, kerana kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kemungkinannya mereka melihat kerana ubat-ubatan ini saya difahamkan ada tiga jenis. Satu, yang ada patent right, biasanya yang patent rights ini hanya antara 10-15 tahun. Satu lagi ubat-ubat yang generik, maknanya selepas ubat patent right orang lain pun boleh buat. Mungkin satu lagi ubat tiruan. Kemungkinannya ubat-ubat yang generik ini dianggap sebagai ubat tiruan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kepada Kementerian Kesihatan ubat-ubat dalam golongan generik ini dimasukkan sebagai ubat-ubatan yang asli ataupun bukan ubat-ubat tiruan. Jadi, perkara ini juga perlu diperjelaskan supaya masyarakat pengguna tidak terkeliru, mana ubat yang dikeluarkan secara patent right, mana ubat yang dikeluarkan secara generik dan juga yang lain itu adalah ubat-ubat tiruan.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian juga memikirkan supaya mengadakan home page, sekarang kita masuk Internet, biar ada home page supaya pelanggan pun boleh dengan press button dia boleh tahu ubat-ubatan apa 'content'nya, apa kegunaannya, apa penyakit boleh diubati dan sebagainya. Saya harap supaya Kementerian Kesihatan memikirkan supaya diadakan home page untuk memberikan kemudahan kepada pengguna-pengguna khususnya tentang content dan juga kegunaan sesuatu ubat di mana setengah-setengah ubat-ubatan itu boleh didapati dan setengah itu mungkin tidak ada di negara ini, mungkin boleh diimport dari negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai soal halal-haram ubat-ubatan ini. Biasanya kita take things for granted, seolah-olahnya semua ubat ini adalah halal. Kerana bila kita diberikan satu pil ubatan, kita pun tidak tahu apa 'content'nya, kerana content yang digunakan adalah bahasa yang terlalu saintifik dan tidak dapat kita mengertikan. Saya berharap supaya pihak kerajaan demi kebaikan pengguna-pengguna Islam hanya memastikan ubat-ubatan halal sahaja yang diimport di negara ini. Kalau ubat-ubatan itu termasuk bahan-bahan yang tidak halal, yang tidak boleh digunakan, ianya hendaklah diklasifikasikan, diberitahu kepada orang ramai kalau mereka masih juga hendak menggunakan ubat-ubatan itu kerana sebab-sebab tertentu, itu terpulang. Sekurang-kurangnya mereka ini dimaklumkan. Umpamanya insulin untuk penyakit kencing manis, ada yang dibuat daripada lemak babi, ada juga

dibuat daripada lemak lembu. Pastikan hanya yang dibuat daripada lemak lembu sahaja diimport di negara ini supaya ianya boleh digunakan oleh orang-orang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai rangkaian kedai-kedai farmasi. Kebanyakan kedai farmasi hanya terdapat dalam kawasan-kawasan bandar. Ini memang tidak dapat dielakkan kerana ini adalah di atas perkiraan perniagaan, tentulah di kawasan-kawasan yang padat penduduk yang ada kuasa beli. Mereka yang terlibat dalam perniagaan ini menubuhkan kedai-kedai farmasi di sini dan mereka ini berpeluang untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan. Tetapi pada masa yang sama juga saya berharap janganlah dilupakan masyarakat luar bandar ataupun masyarakat di pinggir bandar. Saya juga berharap supaya beberapa bentuk insentif diberikan kepada kedai-kedai farmasi ini untuk menubuhkan kedai-kedai farmasi di kawasan-kawasan luar bandar supaya mereka yang tinggal di luar bandar juga mendapatkan perkhidmatan kedai-kedai farmasi dan juga dapat membeli ubat secara yang murah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap supaya pihak kerajaan memikirkan untuk memberikan insentif-insentif yang lebih kepada pengeluar-pengeluar yang mengeluarkan bahan-bahan ubatan ataupun mengadakan penyelidikan untuk mendapatkan bahan-bahan ubatan yang dikeluarkan

daripada tumbuh-tumbuhan, mereka ini patut diberikan taraf 'pioneer status', patut diberikan tax incentive ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

4.31 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi saya peluang untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kesihatan adalah sangat penting bagi manusia dan tanpa kesihatan, negara juga tidak akan membangun apatah lagi manusia itu sendiri. Dan kita juga tahu kita sekarang menghadapi pelbagai cabaran sama ada daripada perkembangan teknologi dengan penggunaan 'environment' dan juga perkembangan dalam sektor teknikal industri yang tentu sekali membawa kepada pelbagai implikasi kepada kesihatan manusia.

Jadi, adalah dalam kita menghadapi terutamanya alaf 21 yang akan datang ini, kita perlu melihat kepada mewujudkan satu sistem kesihatan nasional yang lebih dinamik, efisien dan dapat diperolehi oleh semua lapisan masyarakat iaitu ianya mempunyai kos yang boleh dibiayai oleh semua tidak kira miskin ataupun kaya.

Kita beruntung kerana kita dapat belajar dari negara-negara maju seperti USA dan juga Jepun yang menghadapi masalah dalam sistem kesihatan nasional mereka mungkin dari segi konteks penggunaan insurans ataupun mungkin di Jepun kita baca dalam majalah-majalah bagaimana mereka menghadapi masalah tentang pengeluaran dan penjualan ubat-ubatan.

Jadi, adalah wajar kita sebagai sebuah negara membangun juga pada hari ini dan juga mungkin sepertimana yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat, tepat pada masanya memberi satu pengiktirafan kepada profesion ahli farmasi kerana ahli farmasi perlu dilihat sebagai satu unit integral dalam sistem kesihatan negara. Sudah lama profesion ahli farmasi ini dipinggirkan, tidak digunakan sepenuhnya atas alasan dahulunya kita tidak mempunyai cukup ahli farmasi.

Tetapi daripada kajian yang telah kita lihat bahawa telah banyak universiti dan juga kolej-kolej swasta yang telah mula menghasilkan lebih ramai ahli-ahli farmasi dan adalah dijangkakan ahli-ahli farmasi akan bertambah dalam tahun 2000 nanti dan ini bermakna bahawa pengiktirafan yang diberi sepertimana yang telah dibentangkan dalam rang undang-undang yang telah dibaca bahawa ahli farmasi perlu mendapat tempat yang sewajarnya.

Saya juga ingin menambah untuk mencadangkan bahawa kerajaan menubuhkan Majlis Ahli Farmasi untuk mendaftarkan semua ahli farmasi sepertimana pengiktirafan diberi bagi profesion-profesion lain seperti engineer

dan juga peguam agar ini akan membolehkan selain daripada kerajaan mengetahui sebenar ahli-ahli farmasi yang mengamalkan perubatan dan perkhidmatan farmasi ia juga dapat memberikan satu sistem dan juga mungkin membentuk etika ahli farmasi bagi memastikan peranan mereka dalam sistem kesihatan negara lebih terkawal, lebih beretika dan lebih memberi faedah kepada rakyat dan pesakit dan bukan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks kita mengintegrasikan ahli farmasi ini, kita perlulah sepertimana yang juga telah dikatakan oleh rakan saya tadi, yang pertama, bahawa kita perlu melihat kepada peranan-peranan ahli farmasi ini, adakah sebenarnya ahli-ahli farmasi yang ada sekarang ini dan mungkin yang akan bertambah dalam masa-masa hadapan dan seterusnya kepada ahli-ahli farmasi yang juga sekarang ini ada tetapi merasakan mereka tidak menggunakan ilmu mereka sepenuhnya dapat berperanan dengan sewajarnya.

Adalah dicadangkan bahawa ahli farmasi perlulah diberikan hak untuk dispensing, dengan izin, ubat-ubat dan bukannya dispensing ini hanya dilakukan oleh doktor-doktor terutamanya di klinik-klinik swasta kerana dispensing ini adalah suatu bidang yang sebenarnya merupakan dalam pengetahuan dan ilmu yang telah dipelajari oleh ahli farmasi.

Yang keduanya, ialah perlulah kita melihat kepada fungsi farmasi itu dalam konteks farmasi masyarakat iaitu ianya lebih berperanan sebagai mereka yang boleh memberi maklumat mengenai ubat dan penyakit dan ahli farmasi

perlulah berperanan ataupun diberi peranan atau diberi pengiktirafan berperanan untuk memberitahu ahli-ahli masyarakat bagaimana untuk mengelak penyakit ataupun 'preventive measures' agar masyarakat kita tidak akan merupakan masyarakat yang hanya menerima virus dan menjadi pesakit tetapi sebenarnya merupakan masyarakat yang dapat melawan jika tidak menghalang daripada dihinggap oleh virus dan menjadi sakit kerana kita tahu bahawa trend dalam perkhidmatan kesihatan negara, perlulah merupakan satu trend yang mengawal penyakit atau preventing penyakit daripada kita menjadikan masyarakat yang berpenyakit dan cuba merawat penyakit.

Saya percaya ini juga telah dilaksanakan oleh pihak kementerian tetapi adalah juga dicadangkan bahawa ahli farmasi juga diberi peranan ini agar mereka yang mempunyai kedai-kedai farmasi itu boleh menjadi pakar rujuk untuk memberi pengetahuan tentang penyakit-penyakit dan juga ubat-ubat yang boleh dimakan untuk mengawal ataupun menghalang penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya juga berpendapat bahawa mungkin kita ada banyak kedai farmasi di bandar-bandar tetapi kedai-kedai farmasi masih lagi berkurangan di kawasan luar bandar. Ini kerana dari segi ekonominya mungkin tidak menguntungkan bagi mereka untuk membuka kedai-kedai farmasi. Walau bagaimanapun, kita dapat lihat di luar-luar bandar, banyak kedai ubat yang kecil-kecil terutamanya kedai-kedai singse yang masih boleh hidup dan mereka ini telah banyak memberi ubat kepada orang-orang

kampung, ada kalanya ubat-ubat ini merupakan racun yang membunuh dalam jangka masa panjang. Ini saya ada diberitahu oleh seorang doktor bahawa seorang pesakit telah meninggal dunia, itu ialah kerana dia mengulang singse untuk mendapatkan sejenis ubat dan akhirnya dia mati kerana terlalu banyak makan ubat tersebut.

Jadi, adalah wajar jikalau pihak kementerian dapat mengadakan kempen atau menggalakkan lebih ramai kalau ada cukup ahli-ahli farmasi membuka farmasi-farmasi yang berdaftar, yang dapat dikawal ubat-ubat yang diberi terutamanya kepada orang-orang luar bandar yang mungkin tidak mampu untuk pergi ke doktor swasta tetapi hanya mampu membeli ubat dan saya percaya kalau ubat itu dikeluarkan oleh farmasi, farmasi hanya akan menetapkan caj bagi ubat itu sahaja dan bukan caj untuk 'consultancy' dan juga kita tahu jikalau ubat itu dijual direct daripada farmasi tentu sekali kosnya juga tidak setinggi sepertimana yang dikenakan oleh doktor-doktor swasta.

Walaupun kita tahu dalam akhbar-akhbar telah dinyatakan bahawa perlunya doktor memberi itemised bill bagi ubat-ubat, tetapi kita tahu juga jarang sekali kalau kita dapat bill daripada hospital ataupun klinik swasta, kita meminta itemised bill bagi ubat-ubat. Ini saya sendiri dari pengalaman saya kalau dapat bill yang kita lihat begitu banyak, kita akan terkejut dan kita akan tanya, pertamanya berapa consultation fee dan dia akan kata hanya RM40 kalau

ianya specialist, tetapi yang lain adalah ubat dan ubat itu begitu tinggi billnya dan kita kata apakah dia ubat-ubat yang kena dan bagaimana dikira?

Biasanya di tempat dispensing itu dia akan kata, sila pergi kepada pejabat am dan tentu sekalilah kita tidak pergi ke pejabat am. Jadi, di sini saya berharap dengan kita menggalakkan lebih banyak ahli farmasi membuka kedai-kedai farmasi dan kita menggalakkan lebih ramai daripada rakyat menggunakan farmasi ini kita akan mengurangkan kos keuntungan yang dikenakan kepada ubat-ubat dan dengan ini lebih membolehkan mereka yang tidak berkemampuan mendapatkan ubat dengan harga kos yang lebih rendah dan juga dalam masa yang sama mendapat ubat yang baik untuk penyakitnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, yang saya ingin menyatakan pentingnya kita memberi pengiktirafan kepada ahli farmasi ini dan pentingnya kita mempertingkatkan peranan mereka walaupun dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan hari ini tidak membuka kepada ruang ini tetapi kita ingin mencadangkan bahawa ahli farmasi ini akan terus dapat berperanan dan digalakkan orang ramai menggunakan khidmat mereka kerana ahli farmasi seperti yang kita tahu adalah pakar ubat dan dibandingkan dengan seorang doktor, seorang ahli farmasi saya difahamkan mengikut kursus mengenai ubat selama empat tahun, manakala seorang doktor hanya mungkin paling banyak 'throughout his medical training', mungkin satu tahun dalam hal ubat-ubatan.

Jadi, di sini jikalau kita dapat menggunakan ilmu yang ada pada ahli farmasi ini, dapatlah kita mempunyai 'choice' atau pilihan jikalau lain daripada keadaan bila kita pergi kepada doktor, kita perlu mengambil ubat yang diprescribe, dengan izin, oleh doktor dan kita tidak mempunyai pilihan tetapi jikalau kita pergi kepada ahli farmasi maka ianya dapat memberikan kita pilihan yang mungkin di sini kos yang mampu untuk membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya juga ingin mencadangkan peranan ahli farmasi ini terus dipertingkatkan ialah juga untuk memastikan bahawa adanya, dengan izin, quality assurance kepada dispensing pengeluaran ubat-ubat yang diberi kepada pesakit. Kita juga mahu ahli farmasi berperanan untuk memastikan peraturan dan undang-undang mengenai ubat-ubatan ini dapat dilaksanakan dan dapat dikuatkuasakan kerana kita tahu bahawa ahli farmasilah yang berkemampuan berbuat demikian dan jika mereka ini diberikan peranan tersebut, besar kemungkinan bahawa kita akan dapat mengatur dan mengimbangkan penggunaan ubat-ubat dan mungkin juga mereka ini akan dapat berperanan untuk memastikan ubat-ubat tiruan tidak ada di pasaran, jika dapat kita memastikan bahawa ahli-ahli farmasi yang berdaftar ini mempunyai etika-etika yang perlu dipatuhi oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa dalam mewujudkan sistem kesihatan yang efisien dan mempunyai kos yang berkemampuan oleh rakyat dan dapat seterusnya kita mengembang sistem kesihatan negara itu, kita

perlulah memastikan bahawa profesionalisme dalam semua komponen iaitu mereka yang berperanan dalam sistem kesihatan itu mempunyai profesionalisme yang tinggi.

Jadi, ini juga termasuklah jika kita terlalu bergantung kepada doktor dan kita selalu mengeluh kerana kekurangan doktor jikalau peranan ahli farmasi itu boleh dapat digunakan semaksimum yang mungkin, besar kemungkinan peranan doktor itu dapat dikurangkan kerana doktor akan tidak perlu lagi menggunakan masa untuk memberikan ubat atau menentukan ubat dan lebih mengkhususkan kerjanya kepada diagnosis kepada penyakit-penyakit. Jadi, mungkin dengan adanya setiap mereka yang berperanan dalam sistem kesihatan ini menumpukan kepada profesionalismenya pastilah kita dapat satu sistem yang lebih efisien dan kos efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbincangan saya dengan mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah memberikan satu pengiktirafan dalam mengemaskinikan akta ini untuk ahli-ahli farmasi dan mengharapkan bahawa ahli farmasi atau profesion ini akan terus dikembangkan di masa-masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila Datuk Ibrahim.

4.46 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan dalam masa yang singkat sahaja dalam perbahasan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1991 ini di mana saya ingin bertanya pihak kementerian, selain daripada saya menyokonglah akta ini. Saya hendak tanya hanya satu perkara sahaja, apakah langkah Kementerian Kesihatan dengan secara yang serius bagi menangani isu ubat batuk.

Ubat ini banyak perkara, ubat tiruan dan seumpamanya tetapi saya hanya hendak menumpu kepada satu subjek sahaja kerana ubat batuk sekarang ini sudah merupakan salah satu daripada jenis-jenis yang boleh mengkhayalkan dan ianya melibatkan banyak di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Di negeri Kelantan terutamanya, memang perkara ini begitu berleluasa. Dan nampaknya undang-undang dan hukuman yang ada tidak begitu berkesan, malah saya pernah bercakap dengan pihak keselamatan - pihak polis sendiri, mereka tidak mempunyai cukup dari segi tindakan undang-undang untuk menangani masalah ini. Manakala ubat batuk ini bila dicampur-adukkan dengan pelbagai minuman, ianya menjadi seperti dadah - cukup mengkhayalkan dan ada pengedar-pengedar besar mengambil kesempatan mengaut keuntungan daripada pengedaran ubat batuk ini. Banyak operasi yang telah dibuat di Kelantan - membuat penangkapan tetapi hukumannya tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

Maka, saya ingin bertanya pihak Kementerian Kesihatan apakah perkara ini telah diberi perhatian dengan serius kerana sudah banyak kali - berita-berita pun sudah dikeluarkan dalam surat khabar dan saya percaya feedback pun dapat daripada pihak keselamatan, apakah langkah Kementerian Kesihatan selanjutnya? Apakah masalah ubat batuk ini hendak diasingkan daripada Akta Farmasi dan diletakkan di bawah dadah merbahaya kerana kesannya sama. Sekarang ini memanglah kalau ditangkap, pihak polis terpaksa mengguna lain-lain cara seperti budi bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan membuang daerah mereka yang menjadi pengedar tetapi ianya tidak mencukupi dan bagaimanakah usaha pencegahannya masalah ubat batuk ini?

Jadi, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kerana saya rasa inilah isu semasa yang ada kaitan dengan masalah gejala sosial yang saya harap Kementerian Kesihatan memberi perhatian secara serius.

Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sairin.

4.50 ptg.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut mengambil bahagian di dalam membahaskan pindaan Akta Pendaftaran Ahli Farmasi yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi. Memang telah sampai waktunya pindaan akta ini dikuatkuasakan.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa satu ketika dahulu negara kita

telah dikejutkan dengan terdedahnya penggunaan ubat palsu dan sudah tentunya amat merisaukan. Yang menghairankan 15.5% sebagaimana yang saya baca daripadanya telah didaftar kepada Drugs Control Authority. Kalaulah ini benar, ketidakprihatinan dalam hal ini amatlah dikesali dan sebenarnya siapakah dalang dan telah adakah tangkapan kepada sipesalah dan apakah tindakan kementerian di dalam hal ini?

Dengan adanya akta ini juga, apakah ubat-ubatan yang dijual di kaki-kaki lima yang terdapat di merata bandar di seluruh negara termasuklah kalau di Kota Kinabalu terdapat ubat-ubatan daripada negara jiran yang amat merbahaya dijual tanpa kawalan, akan dapatkah dikawal atau mestikah ianya didaftar atau telah diizinkan untuk didaftar kepada Drugs Control Authority (DCA) seperti yang kita ketahui dan kita juga berharap supaya 'singse' yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi, yang menjual ubat-ubat moden, adakah mereka ini mempunyai 'qualification' atau kelayakan di dalam mengedar ubat-ubat ini? Begitu juga dengan bomoh, begitu juga dengan dukun-dukun dan sebagainya, apakah ini telah dan akan dapat diawasi oleh pihak kementerian.

Saya amat bersetuju atas kawalan ketat ke atas farmasi supaya etikanya memberi faedah kepada rakyat. Hari ini rakyat yang lebih cenderung kepada farmasi mengambil ubat tanpa merujuk kepada doktor. Ini juga saya rasa merbahaya dan mungkin disebabkan masalah pengetahuan tentang ilmu kesihatan tidak didedahkan kepada mereka, jadi untuk itu saya ingin cadangkan

supaya media massa seperti radio, televisyen, surat-surat khabar, majalah-majalah mengambil slot memperjelaskan masalah kesihatan di dalam iklan atau di dalam keluaran-keluaran media massa tersebut.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, kriteria-kriteria kementerian untuk mengiktiraf ahli-ahli farmasi sebagaimana yang kita ketahui di negara kita terdapat beberapa tempat dan bagaimana pula institusi ataupun universiti-universiti di negara jiran kita seperti Filipina, Myanmar, Indonesia yang mana Kementerian Kesihatan iktiraf. Saya bertanya hal ini kerana sering terjadi, tanpa merujuk kepada mana-mana ahli farmasi terdapat kesilapan-kesilapan sama ada yang disengaja atau tidak disengaja sehingga satu ketika di daerah tempat saya iaitu di Keningau doktor telah memeriksa seorang pesakit yang mana pesakit ini pada pemeriksaan doktor berkenaan mengidap penyakit batuk kering. Malangnya setelah tiga bulan, pemeriksaan dilakukan setelah sampai kepada tahap yang paling serius rupanya sipesakit ini bukan mengidap penyakit batuk kering tetapi mengidap penyakit kanser rahim yang akhirnya pesakit ini telah meninggal dunia.

Kita tidak dapat nafikan bahawa para kakitangan hospital dan doktor-doktor yang bertugas cemerlang memang terdapat di mana-mana. Pun begitu kita berharap juga agar kementerian lebih teliti untuk mengambil sama ada ahli-ahli farmasi ataupun doktor-doktor daripada luar kerana masalah yang saya sebutkan antara perkara yang perlu diambil perhatian.

Saya difahamkan kekurangan seramai lebih kurang 2300 ahli farmasi di seluruh negara di mana dalam perkiraan ataupun sebagaimana yang telah kita maklumkan bahawa untuk 2000 orang di Malaysia seorang doktor, manakala untuk satu ahli farmasi untuk 11,000 orang. Kalaulah faktor ini benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Satu ketika persatuan farmasi meminta kerajaan supaya klinik memeriksa discription ubat ataupun keterangan ubat-ubatan, kemudian farmasi menjual. Meski pun ini telah diamalkan di negara-negara maju, namun saya berpendapat masanya belum sampai atau tidak praktikal dan sebab musababnya di luar-luar bandar jarang-jarang terdapat farmasi apatah lagi di negeri Sabah dan Sarawak.

Selain dari senario di negara kita farmasi bergiat pada waktu-waktu tertentu di samping caj atau bayaran yang tinggi yang mana ianya juga telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya ingin mengemukakan mengenai soal ubat batuk memandangkan rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali telah menyentuhnya, maka saya ingin menimbulkan soal amalan Kempen Kesihatan Rakyat iaitu masalah penggunaan preserving agent yang mana ianya digunakan untuk orang mati yang mengakibatkan kanser hati dan gastrik. Ini berleluasa di negeri Sabah terutama digunakan untuk ikan yang

dijual di pedalaman-pedalaman, saya yakin ianya juga tidak terkecuali di Sarawak dan di Sabah.

Kita mohon supaya perkara ini dapat diambil tindakan segera sebab saya takut seandainya ini berleluasa terus tanpa kawalan, maka kanser hati yang akhirnya menyebabkan jantung kita berhenti dan koma di penghujungnya, maka kita tidak mahu rakyat kita menerima akibat ini, meski pun kita tahu tetapi berkemungkinan kita lambat bertindak.

Untuk itu saya dengan ini menyokong akta farmasi yang dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Tiada lagi Yang Berhormat yang mahu berbahas? Dengan itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.57 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi 1991. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling berkenaan dengan Seksyen 2(1) sama ada akta ini akan diperluaskan, Kementerian Kesihatan selain daripada di Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan untuk memperluaskan akta ini ke negeri

Sabah dan Sarawak. Mengenai dengan had ahli farmasi dan tugas mereka, sama ada adakah akta ini mencukupi dalam persoalan pengasingan tugas, sebenarnya akta yang sedia ada ini adalah mencukupi untuk pengamalan profesion farmasi. Masalahnya ialah soal implementasi kerana kekurangan ahli farmasi.

Kerajaan memang sedar dan bersetuju pada prinsipnya hak mendispense ubat ini harus diberi kepada profesion farmasi supaya mengasingkan tugas preskripsi dan mendispensekan. Sistem amalan ini akan membolehkan pesakit bermanfaat daripada perkhidmatan kedua-dua profesion perubatan dan farmasi iaitu doktor dan ahli farmasi. Akan tetapi kerajaan adalah bertanggungjawab untuk memastikan sistem seperti ini dilaksanakan dengan pendekatan yang praktikal dan bersistem atau secara yang realistik.

Jadi, hak mendispense ubat diberi kepada ahli farmasi sahaja masih belum boleh dilaksanakan setakat ini atas beberapa sebab. Antaranya negara kita masih menghadapi kekurangan ahli farmasi untuk melaksanakan sistem mendispense ubat ini. Kedua, nisbah pengamal ahli farmasi dengan penduduk sekarang adalah antara satu dan sebelas ribu (1:11 000). Dan ketiga, jika dibandingkan dengan negara yang melaksanakan amalan men'dispense' ubat oleh ahli farmasi sahaja seperti di negara yang lebih maju seperti UK dan sebagainya yang mempunyai - contoh, nisbah satu farmasi dengan empat ribu tiga ratus (1:1300) bilangan ahli penduduk di negara, kita memanglah jauh

ketinggalan daripada negara-negara yang mengamalkan sistem ini. Perkara ini boleh dipertimbangkan apabila nisbah pengamal ahli farmasi dan penduduk mencapai ke tahap 1:5000 penduduk dan kementerian mengharapkan supaya profesion farmasi juga dikehendaki mengemukakan strategi dan cadangan mengenai pelaksanaan sistem 'dispense' ini untuk pertimbangan Kementerian Kesihatan.

Berkenaan dengan perkara latihan yang telah dibangkitkan iaitu apakah fokus atau tindakan kementerian bagi menghasilkan ahli-ahli farmasi. Dalam data atau pengambilan pelajar yang berkursus dalam bidang farmasi di universiti-universiti tempatan, terdapat 150 keluaran bagi tahun 1996, termasuk 50 dari luar negara iaitu bagi tahun 1997 ialah 217, campur dengan 80, iaitu kita akan anggarkan dapat 297, termasuk juga tahun 1998 sebanyak 80 daripada luar negara, campur dengan 296 bagi mereka yang mengikuti di universiti tempatan, yang berjumlah bagi 1998 sebanyak 376 yang akhirnya akan mencapai ke tahap 1,793 menjelang tahun 2001. Jadi, sebenarnya kementerian memang mengesan (monitor) keadaan dan kedudukan bilangan ahli farmasi yang akan dikeluarkan oleh universiti tempatan.

Berkenaan dengan persoalan sama ada Ketua Pengarah Kesihatan sebagai pengerusi adalah sesuai. Sebenarnya kita perlukan Ketua Pengarah Kesihatan selaku pengerusi yang amat sesuai untuk melaksanakan tugas supaya dapat memberi pertimbangan yang baik di dalam kes-kes yang melibatkan

perkara yang bersabit dengan soal ahli farmasi dengan tindakan-tindakan yang mereka akan terlibat. Jadi, sama ada lantikan lapan orang dalam perkhidmatan awam itu adakah tertinggal mana-mana negeri, kementerian akan memberi pertimbangan apabila melantik ahli-ahli lembaga supaya ahli-ahli akan terdiri daripada negeri-negeri yang penting.

Berkenaan dengan wakil persatuan farmasi, ini memanglah perlu. Kita dapatkan wakil dari persatuan kebangsaan untuk mewakili semua ahli farmasi yang pada ketika ini mempunyai sebanyak 1,200 orang ahli.

Berkenaan dengan perkara tentang tindakan kepada seorang ahli farmasi, apakah tindakan Lembaga Farmasi.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri laluan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ya.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mohon penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi akan memberi pertimbangan kepada negeri-negeri yang penting. Kalau boleh, saya mohon penjelasan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Negeri-negeri yang penting itu, Tuan Yang di-Pertua, termasuklah negeri Sabah dan Sarawak.

[Ketawa]

Berkenaan dengan tindakan kepada seorang ahli farmasi, Lembaga Farmasi akan mengambil tindakan apabila seseorang ahli farmasi itu telah disabitkan di bawah Akta Racun, Akta Dadah Berbahaya atau melakukan kesalahan di bawah tatakelakuan (code of conduct).

Yang Berhormat Datuk Rahim Baba menceritakan sama ada pengguna terlibat langsung dalam lembaga. Ini merupakan suatu lembaga yang profesional, walau bagaimanapun, pengguna boleh mengemukakan aduan kepada lembaga jika seseorang ahli farmasi melakukan kesalahan di bawah tatakelakuan.

Berkenaan dengan persoalan salah takrif antara ‘ubat’ dengan ‘makanan kesihatan’, perkara ini adalah di bawah Akta Jualan Dadah 1992 di mana ubat-ubatan perlu didaftarkan. Jadi, sebarang iklan juga perlu diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat yang ditubuhkan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Berkenaan dengan status pendaftaran ubat, setakat ini status ubat-ubatan yang telah didaftar bagi keluaran ‘racun’ preskripsi adalah sebanyak 7,018 jenis, bagi keluaran ‘bukan racun’ atau over the counter sebanyak 4,250, bagi keluaran ‘tradisional’ yang meliputi permohonan sebanyak 16,000, yang berdaftar sebanyak 2,217, bagi keluaran ‘kosmetik’ sebanyak 342, jadi jumlah yang berdaftar status ubat-ubatan yang telah didaftar adalah sebanyak 13,827.

Mengenai perkara tentang soal halal dan tidak halal, semua pembuat atau pengimport adalah dikehendaki menerangkan sumber bahan ubat pada labelnya, sama ada diperbuat dari porcine sebagai contoh atau bovine, sebelum boleh diberi kelulusan pengeluaran atau pengimportan ubat yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim menceritakan tentang ahli farmasi perlu mendapat tempat yang sepatutnya berkenaan dengan soal issue dispensing right. Sebenarnya issue dispensing right telah saya bangkitkan tadi iaitu berkenaan dengan soal dari segi idealnya memanglah kita perlukan dan mahukan supaya seorang ahli farmasi yang sudah terlatih itu dapat memberi tumpuan yang khusus dalam bidang mereka untuk membolehkan doktor menjalankan dan memberi tumpuan kepada soal diagnosis. Tetapi oleh sebab-sebab seperti yang telah diterangkan, soal negara masih menghadapi kekurangan ahli farmasi yang begitu ketara, soal nisbah, perkara ini perlu kita pertimbangkan apabila kita sampai ke tahap yang kita ingin capai, iaitu ke tahap nisbah bagi negara kita iaitu 100:5000, ini belum lagi boleh kita laksanakan.

Untuk memberi maklumat ubat kepada pengguna, ahli-ahli farmasi memanglah dibenarkan.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan memang seronok

sangatlah kalau kita boleh adakan farmasi yang mengeluarkan ubat dan doktor memberi prescription disebabkan kekurangan kakitangan farmasi. Saya minta penjelasan, dengan pharmacist yang kita ada sekarang ini iaitu kita mempunyai pharmacist sekarang ini - sudah disebutkan tadi, tetapi saya sebut lagi sekali - 2,300 dan pada tahun 2000 kita akan mendapat 959 lagi dan banyak universiti yang akan mengeluarkan, tidak bolehkah kita mengadakan cara mengeluarkan ubat yang berasingan daripada doktor dan juga farmasi di bandar besar, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, bukannya di bandar-bandar kecil. Saya tahu di bandar kecil macam di Kuala Lipis, di Paya Besar memang tidak ada cukup kedai chemist dan juga farmasi, oleh itu tidak boleh diadakan. Tetapi di bandar besar, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sampai masanya untuk kita mewujudkan dual profession, dengan izin, solicitor and advocate - ada dua, macam di England sekarang ini. Tidak bolehkah kita lakukan sekarang ini beransur-ansur untuk memajukan keadaan ini di negara kita, khususnya di Kuala Lumpur? Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tadi saya sudah beritahu tentang nisbah pengamal ahli farmasi dengan penduduk sekarang adalah 1:11,000 memang jauh kebelakang dan pada tahun 2000 pun dengan pertambahan 900 lebih pun tidak mungkin kita dapat capai. Tetapi ini tidak menandakan bahawa kita tidak boleh berusaha ke arah itu. Kita boleh berusaha ke arah itu secara yang kita harus lihat perkara ini secara praktikal dan

sistematik. Kita boleh ideally, mahukan perkara itu tetapi sama ada ia praktikal atau tidak? Jadi, ini perlukan satu rundingan antara pihak farmasi sendiri dengan pihak perubatan dan sebagainya, supaya apakah boleh dilakukan secara pilot dan sebagainya, kita tidak menolak kemungkinan. Jadi kepada soalan Yang Berhormat, boleh kita pertimbangkan, at least for Lembah Klang.

Tadi saya bercerita pasal persoalan maklumat yang boleh juga dimainkan peranan oleh ahli farmasi sebagai ahli farmasi bercorak community base, kerana biasanya ahli farmasi ini pun juga dengan ada kepakaran dan kebolehan mereka itu boleh menyampaikan maklumat dengan tepat dan betul supaya boleh membantu pengguna dengan tepat dan betul juga dari segi mendapat preskripsi ubat. Tetapi kita juga maklum bahawa akta yang sedia ada tidak menyekat ahli-ahli farmasi untuk memberi maklumat ubat kepada orang ramai. Sebenarnya mereka sedang memberi khidmat ini sama ada di farmasi swasta atau di hospital kerajaan. Kita juga harus ambil pertimbangan bahawa masih diperlukan diagnosis daripada perkhidmatan doktor itu sangat penting, terutamanya memandangkan bahawa keadaan sekarang ini jenis penyakit semakin kompleks dan punca-punca yang menyebabkan sesuatu penyakit itu walaupun nampaknya seperti bisa boleh diatasi dengan ubat-ubatan biasa, tetapi mungkin agak lebih rumit dan memerlukan diagnosis daripada pakar atau doktor profesional.

Berkeenaan dengan singse jual ubat yang dikatakan ada pesakit mendapat maut, yang menjadi mangsa, orang ramai digalakkan melaporkan kes-kes seperti ini kepada Kementerian Kesihatan supaya tindakan boleh diambil di bawah Akta Racun 1952 oleh Kementerian Kesihatan, kerana kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan atau serbuan ke atas premis-premis yang tidak berlesen. Dalam tahun 1996 sebanyak 706 premis telah diserbu dan ubat-ubatan racun.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Bolehkah saya habiskan dahulu, Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat daripada Raub ini begitu.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Daripada Temerloh.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Oh, Temerlohkah itu? Minta maaf. Saya ingat kedua-duanya bangun - Yang Berhormat dari Raub dan Temerloh, sangat prihatin dan peka kepada persoalan kesihatan. Saya habiskan di sini, pada tahun 1996 sebanyak 706 premis telah diserbu dan ubat-ubatan racun bernilai sebanyak RM1,925,214 telah dirampas dari 285 premis yang telah diserbu. Tindakan mahkamah di bawah Akta Racun 1952 akan diambil ke atas mereka. Tadi Yang Berhormat yang mana satu hendak penjelasan?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak bertanya, terlanjur Timbalan Menteri ada menyebut

perkara ubat yang ada racun ini. Saya terbaca dalam surat khabar baru-baru ini, Tongkat Ali yang sekarang ini banyak digunakan oleh orang ramai dengan sebab-sebab tertentu, saya pun tidak faham, tetapi rupa-rupanya Tongkat Ali ini masih lagi belum diuji dari segi tahap keracunannya, ada racun atau tidak ada racun. Saya baca surat khabar, baru sekarang ini hendak hantar kepada penyelidik-penyelidik.

Soalannya sekarang, adakah Tongkat Ali yang termasyhur terutama sekali daripada Lipis, tempat sahabat saya ini yang banyak mengeluarkan Tongkat Ali, adakah sekarang ini perkara itu selamat atau tidak? Kalau ianya belum tahu sama ada selamat atau tidak, kenapa ianya berleluasa digunakan oleh orang ramai, atas sebab rangsangankah, saya tidak tahulah. Jadi apakah perhatian pihak kementerian kepada perkara Tongkat Ali ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya berkenaan dengan Tongkat Ali ini kajian telah pun dijalankan oleh pihak kementerian ke atas tikus jantan. [*Ketawa*] Jadi, hasil (result) kajian itu sangat menggalakkan [*Ketawa*] - menggalakkan kepada manusia (human) macam Yang Berhormat terutamanya, kerana membangkitkan soal ini. Jadi, agaknya kes yang kedapatan, kes pencemaran (pollution) itu mungkin banyak jenis. Kita difahamkan juga dalam pasaran itu banyak jenis/variasi Tongkat Ali ini. Jadi, kemungkinan jenis-jenis itu dicemari atau sebagainya, jadi sebab itulah dijalankan kajian dengan kadar dan tahapnya mengikut cara yang profesional oleh ahli-ahli pengkaji dan memang ada hasil kajian yang amat menggalakkan di kalangan tikus jantan ini tadi.

Jadi, sebab itulah satu kajian juga sedang dalam proses dimulakan oleh kementerian, pihak IMR dengan satu universiti tempatan ke atas manusia pula untuk mendapatkan secara yang pasti tentang jenis-jenis kandungan dan juga khasiat-khasiatnya yang saya percaya mesti akan merangsangkan lagi Yang Berhormat untuk hendak mendapat maklumat yang lebih mendalam [*Ketawa*],

tetapi keadaan status setakat ini amatlah menggalakkan. Itu sahaja yang saya boleh berikan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz sudah trykah Tongkat Ali. *[Ketawa]* Belum?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zuki mahu minta laluan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tadi saya tidak hendak bercakap, tetapi sekarang hendak bertanya fasal Timbalan Menteri memberi perangsang kepada saya. *[Ketawa]* Saya terpaksa bangun sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan ubat yang banyak disebut tadi. Dalam pasaran sekarang ini ada banyak jenis ubat. Saya ambil satu contoh, sepatutnya doktor yang mem'prescribe'kan ini, dengan izin, memberi nama generik sahaja. Jadi, supaya pelanggan membeli di kedai ubat yang mendaftar, yang ada farmasi mengedarkan ubat itu. Saya beri contoh, 'Tenomin', satu nama ubat yang digunakan untuk sakit jantung. Saya tidak gunakan, sebab saya selalu berbincang dengan doktor yang menceritakan kepada saya fasal ubat-ubat ini.

Ada satu lagi nama 'Aternolo', harganya 27 sen kalau beli di farmasi. Kalau doktor prescribe 'Tenomin', 'Tenomin' harganya RM1.20 satu perbezaan sangat banyak. Bagaimana untuk mengatasi ini untuk memberitahu

kepada orang-orang kampung, orang-orang yang kurang duit untuk membeli ubat yang sama, harganya murah?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ini adalah persoalan berkenaan cara ubat patent dan juga ubat generik, di mana takrif ubat generik adalah ubat keluaran yang hampir dengan jenis patent. Patent itu adalah original jenama yang berasaskan kepada bahan-bahan asli yang diimport dan sebagainya. Sebab itulah kosnya tinggi dan sebab itulah kita galakkan generik, kerana generik itu adalah keluaran substitute, tetapi bahannya sama dari segi kandungan saintifik dan sebagainya. Bukannya tiruan, tiruan is totally out, totally lari, maknanya penipuan terus, langsung tidak ada apa. Jadi, untuk menyampaikan maklumat ini, itulah sebabnya soal pendedahan mengenai pendidikan, maklumat, risalah yang perlu disampaikan dan contoh mendapatkan ubat yang lebih murah di hospital pun sudah cukup memberikan contoh, di mana di hospital lebih murah daripada setengah hospital pakar atau hospital swasta atau clinic-clinic specialist dan sebagainya.

Jadi, sebenarnya memang boleh digunakan generik. Malah private clinic, hospital swasta digalakkan guna yang generik dan tidak menggunakan yang patent, original untuk meringankan bebanan pesakit secara umum, tidak termasuklah mereka yang mampu. Yang mampu mereka tidak soal langsung tentang ubat tinggi harganya, kerana tidak menjadi isu. Yang menjadi isu adalah bagi mereka yang hendak mendapatkan ubat yang tidak inferior, tetapi

generik tidak bererti inferior. Ia hanya merupakan yang murah, kerana close substitute, dengan izin.

Saya harap saya dapat memberikan penerangan kerana saya ingat yang lainnya harus dijalankan oleh para Pegawai Kesihatan dan juga para pharmacist dan sebagainya dalam tugas kita hendak mendidik masyarakat secara umum. Kita juga ada persoalan berkenaan dengan soal ubat tiruan tadi yang saya rasa ada berkaitan dengan perkara yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia. Sebenarnya hasil siasatan dari kementerian ada menunjukkan bilangan premis yang terlibat dalam jualan ubat tiruan itu adalah kurang daripada 1%, manakala bilangan produk yang ditiru merupakan 0.18% sehingga 0.27%. Ini hasil siasatan yang dijalankan oleh kementerian. Ubat-ubatan tiruan yang dikesan ini adalah keluaran pengilang haram tempatan termasuk Panadol, Ponstan, Cortal, Eye-Mo dan lain-lain. Kementerian Kesihatan telah mendedahkan 15 pengedar dan pengilang ubat-ubatan haram dalam tempoh 1991 hingga 1997 dan ubat-ubatan ini bernilai sebanyak RM1,240,352 telah dirampas. Tindakan mahkamah telah diambil ke atas lima kes tersebut dan pihak yang terlibat telah didenda sejumlah RM14,000 di bawah Akta Racun 1992. Seorang pengilang haram telah dihukum penjara selama tujuh hari dan baki kes masih belum diselesaikan.

Kita juga menghayati bahawa memandangkan masalah ubat tiruan dalam pasaran belum sampai ke tahap yang kita anggap begitu serius, Kementerian

Kesihatan tidak mencadangkan bahawa ubat-ubatan hanya dibenarkan penjualannya di farmasi-farmasi sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini termasuk:

- (i) mendaftarkan semua ubat-ubatan termasuk pharmaceutical dan ubat tradisional untuk memastikan ubat-ubat dalam pasaran adalah berkualiti, berkesan dan selamat seperti yang telah saya maklumkan dalam status ubat-ubatan yang berdaftar;
- (ii) meningkatkan pengawasan ubat-ubatan dalam pasaran untuk memastikan ubat-ubatan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan melalui market surveillance yang mereka ada sepanjang masa;
- (iii) meningkatkan risikikan ke atas pengedar dan pengilang ubat-ubatan haram, dan juga Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya dapat membanteras masalah ubat tiruan ini dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat Datuk Ibrahim ada membangkitkan tentang isu ubat batuk yang memang pun Kementerian Kesihatan memandangkan secara serius

tentang perkara ini. Untuk makluman rampasan ubat batuk mengandungi kodein, pada tahun 1994 telah berjaya kita melaksanakan rampasan kuantitinya sebanyak 11017.0 liter, pada tahun 1995 yang melibatkan 67 kes berjumlah 10,669 liter, pada tahun 1996 melibatkan 69 kes yang berjumlah 2,907.33 liter, dan pada tahun 1997 setakat Jun - 31 kes sahaja yang melibatkan 2,145.145 liter. Jadi, jelas menunjukkan bahawa ada pengurangan setakat yang telah kalau kita bandingkan jumlah rampasan dari segi kuantiti dalam rekod kerja-kerja penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak Biro Kawalan Dadah.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan pembekalan ubat batuk yang mengandungi kodein:

- (i) pertama adalah untuk mengehadkan saiz bungkusan kepada 60 milimil, dan 120 milimil sejak 1 Januari 1995;
- (ii) mengharamkan pengimportan ubat batuk sejak 1.1.1996;
- (iii) mengeluarkan Schdeul F. Federing daripada formula;
- (iv) mengehadkan bilangan pemborong sejak 1.1.1996;
- (v) mengurangkan anggaran kodein tahunan bagi pengilang-pengilang, dan Kementerian Kesihatan juga sedang menimbang tindakan yang lebih keras ke atas kesalahan bersabit dengan ubat batuk/kodein.

Akhirnya, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin menyentuh berkenaan dengan pengiktirafan ahli-ahli farmasi. Sebenarnya ahli-ahli farmasi

mengiktirafkan kelayakan farmasi dari 54 universiti di luar negeri, termasuk Singapura, Indonesia, India dan lain-lain, dan Lembaga Farmasi juga akan menimbang kelayakan dari universiti lain jika menerima permohonan.

Pengiktirafan adalah berdasarkan kepada:

- (i) kurikulum;
- (ii) bilangan tenaga pengajar dan pelajar, iaitu ratio academic staff dengan para pelajar;
- (iii) peralatan;
- (iv) kemudahan-kemudahan perpustakaan;
- (v) standard soalan-soalan yang dikemukakan dalam ujian peperiksaan;
- (vi) kelayakan akademik; dan
- (vii) kelayakan untuk memasuki universiti. Dalam schedule 6 ada banyak bahagian dari negara mana yang dianugerahkan begitu banyak, saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak tahu.

Sekian, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih di atas peranan yang telah diambil oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Segala pandangan-pandangan yang bernas akan diambil perhatian dan tindakan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 -

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan huraian Seksyen 2(5) bagi maksud subseksyen (1) perkataan “warganegara Malaysia tidaklah termasuk pemastautin tetap Malaysia”. Ia menggantikan di dalam huraian itu “tidaklah termasuk mana-mana pemastautin tetap Malaysia”. Apa bezanya kedua ini, hendak gantikan itu dengan ini, saya tidak berapa faham bezanya. Terima kasih.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ini terlalu detail, saya minta maaf. Saya tidak dapat memberi penjelasan kepada Yang Berhormat, tetapi kalau boleh saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Akan jawab.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Ya, saya akan jawab kemudian.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, minta maaf. Bermakna perkataan ini kalau misalannya salah digunakan, adakah ini didapatkan dalam rang undang-undang ini nanti dengan tidak ada pindaan ataupun saya dapat tahu huraianya kemudian dan kita sahkan sekarang ini. Jadi, apa kedudukannya?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Bahawa akta ini akan hanya apply kepada state of West Malaysia berkenaan dengan Seksyen 2(1). Tadi saya sudah jawab, soalan itu telah dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Ding Seling. Jadi, kementerian memang sedang mengambil tindakan untuk memperluaskan akta ini di Sabah dan Sarawak. So, it is only restricted, dengan izin, kepada West Malaysia.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Pengerusi, saya tunggu jawapan itu. Terima kasih.

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.28 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bertajuk Akta Pembangunan Sukan 1997 untuk dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukan di negara ini mempunyai peranan yang tersendiri dalam usaha membangunkan sebuah negara yang maju, di mana masyarakat majmuknya hidup dalam suasana harmoni, aman dan bersatu padu. Peranan ini mungkin tidak ketara di negara-negara lain di mana sukan hanya dianggap sebagai wahana untuk kesihatan rakyat serta penonjolan imej negara. Negara kita meletakkan ketiga-tiga aspek ini sebagai sasaran yang perlu dan boleh dicapai melalui sukan, dan aspirasi ini telah pun termaktub dalam Dasar Sukan Negara yang telah pun diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1988.

Sukan di negara ini bermula daripada gerakan sukarela oleh mereka yang berminat dan beriltizam untuk membangunkan sukan. Hasrat ini mendorong kepada penubuhan Majlis Olimpik Malaysia pada tahun 1953. Dengan tertubuhnya Majlis Olimpik ini, maka negara kita telah pun berjaya menyertai Sukan Olimpik di Melbourne Australia pada tahun 1956 bagi kali yang pertama. Ini bermakna organisasi yang bersifat sukarela wujud lebih dahulu daripada organisasi kerajaan dalam mengendalikan hal-hal sukan.

Semasa zaman itu juga semangat kesukarelaan telah berjaya menggerakkan banyak kelab-kelab yang ditubuhkan untuk menguruskan latihan dan pertandingan sama ada di antara kampung, kelab ataupun persatuan. Hasilnya negara kita terserlah dalam beberapa jenis sukan dan rakyat diakar umbi diceriakan dengan pelbagai aktiviti sukan.

Kesemua ini menjadi realiti di atas dayausaha individu atau kumpulan yang bergabung secara sukarela di atas satu tujuan bersama yang tulus, sehingga kini kita masih mengingati nama jaguh-jaguh sukan negara yang telah pun berjaya dalam sukan masing-masing, lebih-lebih lagi bagi sukan badminton dan bola sepak.

Dalam bidang sukan prestasi tinggi, pencapaian atlet negara di pertandingan antarabangsa boleh dijadikan sebagai kayu pengukur mutu sukan negara. Jika Sukan SEA iaitu pertandingan yang terendah dalam siri pertandingan-pertandingan antarabangsa dijadikan pengukur, secara purata pungutan pingat emas negara di Sukan SEA adalah dalam lingkungan 10% daripada jumlah yang dipertandingkan. Jelas bahawa prestasi atlet kita dalam sukan prestasi tinggi masih belum cemerlang dan pungutan pingat khususnya pingat emas masih tidak menentu.

Tuan Yang di-Pertua, sukan untuk semua ataupun Sukan Massa sama penting dalam usaha untuk melibatkan rakyat secara lebih meluas dalam sukan dan rekreasi. Program Malaysia Cergas telah pun dilancarkan sejak tahun 1982

tetapi hingga kini, program ini nyata masih belum dapat menerap ke akar umbi masyarakat kita.

Kebelakangan ini terdapat sedikit peningkatan pencapaian atlet-atlet negara khususnya bagi acara-acara bowling wanita dan squash remaja tetapi secara keseluruhannya kita belum boleh berbangga dengan prestasi atlet-atlet negara kita. Kadangkala kita tidak berdaya menyangkal pandangan bahawa pencapaian sukan pada tahun-tahun 50-an dan 60-an lebih bertenaga daripada apa yang ada sekarang.

Tambahan pula kita kerap kali berhadapan dengan permasalahan dan kerenah dalam organisasi sukan yang mengambil masa agak lama untuk diselesaikan. Krisis kepimpinan seperti yang berlaku dalam Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia, masalah di antara Persatuan Badminton Malaysia dan Kelab Profesional Nusa Mahsuri, masalah kehilangan rakan sukan yang berlaku kepada Persatuan Renang Amatur Malaysia, masalah dalaman yang berlaku dalam Persatuan Lawn Tennis Malaysia adalah beberapa contoh klasik yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani dan kemelut yang perlu diatasi supaya sukan tanah air dapat dibawa melepasi kekusutan yang ada ke taraf yang lebih cemerlang.

Suasana negara yang kian maju menuntut agar sukan berkembang mengikut kehendak semasa supaya ianya terus relevan dan sentiasa berada dalam arus perdana kemajuan negara. Untuk membolehkan sukan memainkan

peranan yang bermakna dalam membentuk rakyat dan negara Malaysia yang maju perlu dilihat semula pemikiran, penafsiran, pendekatan dan juga pelaksanaannya. Berdasarkan kepada kekurangan yang kita alami sekarang, satu reformasi sukan perlu digerakkan. Reformasi ini hanya boleh menjadi bermakna dengan penglibatan kepimpinan kerajaan melalui penggubalan dasar yang menjadi arahnya bagi kegiatan sukan negara ini.

Kepimpinan dan peranan organisasi sukan yang bergerak di atas prinsip sukarela yang tulen, tanggungjawab sosial pihak korporat, penghayatan masyarakat melalui penglibatan yang aktif dalam kegiatan sukan serta komitmen para atlet dalam bidang masing-masing.

Akta yang dicadangkan ini digubal sebegitu rupa untuk menjadi pemangkin kepada reformasi ini. Tidak banyak negara di dunia ini yang mempunyai agensi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai sukan seperti yang ada dalam jentera pentadbiran negara ini. Umumnya, kerajaan menyediakan peruntukan bagi membina kemudahan-kemudahan sukan dan membantu persatuan-persatuan sukan menjalankan latihan bagi menyediakan atlet ke pertandingan antarabangsa. Lebih dari itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi membolehkan atlet negara menyertai pertandingan antarabangsa.

Bantuan-bantuan juga disediakan untuk melaksanakan program-program yang melibatkan penyertaan masyarakat yang lebih ramai. Tanggungjawab

membangunkan sukan di negara kita terpikul secara gandingan tenaga, organisasi sukan dan juga kerajaan.

Ini berbeza dari negara sosialis di mana segala-galanya diurus dan ditentukan oleh kerajaan dan negara kapitalis di mana segala urusan sukan dikendalikan oleh organisasi sukan sendiri. Pendekatan kita ini sepatutnya dapat mencetuskan win win situation, dengan izin, yang akhirnya menguntungkan sukan bagi negara.

Sebaliknya kedudukan ini kerap kali menimbulkan suasana yang kurang menyenangkan kerana kerajaan yang dianggap bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan kewangan dipersoalkan. Setiap kali ada usaha untuk mengambil tahu dan menentukan halatuju pembangunan sukan negara atas alasan autonomi badan-badan sukan.

Penglibatan pihak kerajaan dalam membangunkan sukan di negara ini terbahagi kepada dua iaitu membina infrastruktur sukan dan memberikan bantuan kewangan bagi melaksanakan aktiviti sukan. Pihak kerajaan telah mengeluarkan pelbagai bantuan. Majlis Olimpik Malaysia dari tahun 1986 sehingga kini telah menerima RM13.84 juta dalam bentuk bantuan pentadbiran, pembiayaan kontinjen Malaysia dalam temasya sukan antarabangsa dan grant pembinaan Wisma Olimpik.

Selain daripada itu bagi tempoh sepuluh tahun yang lepas, kerajaan juga mengeluarkan peruntukan RM28.3 juta untuk bantuan penganjuran sukan

kepada Persatuan Sukan Kebangsaan. Pembiayaan latihan atlet dan hadiah kemenangan kepada atlet, jurulatih dan persatuan yang berjaya meraih pingat untuk negara.

Pembinaan infrastruktur sukan menelan belanja yang besar kerana ianya bukan sahaja dibiayai oleh Kerajaan Pusat tetapi juga kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Sebagai contoh, kos pembinaan kemudahan-kemudahan sukan untuk Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel Yang Ke XVI berjumlah kira-kira RM1.3 bilion. Jumlah ini sudah tentu menjadi lebih besar jika pembinaan yang dibuat oleh negeri dan pihak berkuasa tempatan diambil kira.

Meskipun peranan kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan terbukti penting dalam membangunkan sukan negara, tetapi pada hakikatnya peranan ini tidak dapat dimanifestasikan melalui tindakan-tindakan yang berkesan kerana kekurangan kekuatan undang-undang. Kepimpinan kerajaan dalam menggubal dan melaksanakan dasar sukan terbukti kurang bermaya tanpa sokongan perundangan di Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perundangan, persatuan-persatuan yang ditubuhkan untuk melaksanakan sukan, sebenarnya tidak terletak di bawah bidang kawalan kementerian. Apa yang berlaku sekarang ialah kementerian setakat menggunakan budi bicara serta kuasa memujuk bagi mendapatkan

kerjasama daripada badan-badan sukan dan mereka boleh mengetepikan nasihat dan pandangan daripada kementerian malahan menterianya.

Bagi menentukan Kementerian Belia dan Sukan mampu melaksanakan dasar sukan yang digubal di samping menentukan arah-tuju sukan negara, maka Akta Pembangunan Sukan ini dicadangkan.

Akta ini tidak sekali-kali ingin mengambil alih peranan persatuan-persatuan sukan ataupun mematikan semangat sukarela seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Akta ini bertujuan untuk memperkemaskan struktur pengurusan sukan tanahair melalui mekanisme yang membolehkan semua persatuan sukan melaksanakan tujuan penubuhan masing-masing dengan lebih berkesan.

Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa kegiatan sukan mesti terus dikelolakan oleh pengkhidmat sukarela. Dalam pada itu kita juga menyedari bahawa bidang sukan telah kehilangan kepimpinan dan pegawai yang benar-benar ikhlas menyumbangkan tenaga untuk memajukan sukan kerana tidak faham ataupun tidak tahan dengan kerenah sebilangan pemimpin ataupun pegawai-pegawai terutama persatuan-persatuan yang berkenaan. Yang tinggal ialah mereka yang berjaya mengekalkan kedudukan masing-masing sekian lama meskipun kita tahu bahawa ada sukan yang tidak menunjukkan sebarang kemajuan pun.

Pemimpin-pemimpin persatuan sukan selalu menyatakan bahawa mereka tidak sepatutnya dikongkong oleh sebuah akta kerana mereka berkhidmat secara sukarela. Semangat sukarela ini juga menuntut mereka mengundurkan diri apabila berlaku kemunduran dalam sukan masing-masing, status sukarela yang tulen tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya mengikut kepentingan setengah-setengah pihak dan pada waktu-waktu tertentu sahaja khidmat sukarela adalah satu amalan yang murni dan wajar diiringi dengan ketelusan dan ketulusan.

Tuan Yang di-Pertua, sukan mengandungi gugusan nilai-nilai murni seperti dengan izin, fair play, mematuhi undang-undang, persefahaman, disiplin, taat, dayasaing, dayajuang, toleransi dan sebagainya. Sukan juga mempunyai peraturan yang mengawal satu-satu pertandingan dan ada pengadil bagi menentukan peraturan dipatuhi. Mereka yang melanggar peraturan akan dihukum mengikut prosedur dan kaedah yang telah pun ditetapkan. Menggunakan analogi ini Akta Pembangunan Sukan merupakan peraturan-peraturan pertandingan bagi persatuan-persatuan sukan. Pesuruhjaya sukan menjadi pengadil dan menteri yang bertanggungjawab pemutus bagi menyelesaikan masalah dalam sukan. Tegasnya, cadangan akta memenuhi sporting spirit, dengan izin, yang tertera dalam falsafah dan juga tradisi sukan itu sendiri.

Akta yang dicadangkan ini mempunyai tujuh bahagian yang meliputi permulaan, pembangunan sukan, Majlis Olimpik Malaysia, pentadbiran akta, pendaftaran dan penyeliaan badan sukan, panel penasihat sukan dan pelbagai. Bahagian Pembangunan Sukan mengandungi perkara-perkara yang berhubung dengan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh menteri mengenai pembangunan sukan di semua peringkat. Sebagai contoh, garis panduan 'Program Sukan Untuk Semua' yang dikeluarkan oleh menteri boleh menyeragamkan pelaksanaannya oleh semua pihak. Menteri juga boleh menghendaki badan ataupun agensi kerajaan berunding dan menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan sukan di bawah pelaksanaan agensi masing-masing termasuk juga ke arah menggalakkan pembangunan sains sukan di institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini.

Melalui Bahagian II akta ini Menteri dan juga Kementerian Belia dan Sukan boleh menggubal dasar dan menentukan pelaksanaan dasar tersebut melalui peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengiktiraf peranan Majlis Olimpik Malaysia yang diakui sendiri oleh pemimpin-pemimpin majlis berkenaan sebagai yang unik dan mungkin berlaku di beberapa negara yang kecil jumlahnya di dunia ini. Selaras dengan pengiktirafan ini, Majlis Olimpik Malaysia perlulah mempertingkatkan peranan dan program persatuan-persatuan

sukan yang menjadi ahlinya supaya taraf dan mutu sukan di negara ini menjadi lebih cemerlang lagi.

Untuk mentadbir akta ini, Menteri boleh melantik seorang Pesuruhjaya Sukan serta pembantu-pembantunya mengikut keperluan semasa. Pesuruhjaya Sukan mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti mendaftar mana-mana persatuan ataupun pertubuhan sukan, mengenakan syarat-syarat yang difikirkan perlu, membatalkan atau menggantung pendaftaran badan-badan berkenaan. Pesuruhjaya Sukan akan dapat mengawasi perjalanan badan-badan sukan khususnya di peringkat kebangsaan dari segi pentadbiran dan kewangan agar benar-benar berfungsi mengikut perlembagaan masing-masing.

Kuasa Pendaftar Pertubuhan sekarang ini akan dipindahkan kepada Pesuruhjaya Sukan di Kementerian Belia dan Sukan seperti yang terkandung dalam Bahagian V akta ini. Badan-badan sukan yang dahulunya didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 perlu memohon untuk mendaftar semula di bawah akta ini bagi meneruskan kegiatan masing-masing dalam masa tiga bulan daripada tarikh berkuatkuasanya akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 23 akta ini menetapkan supaya setiap badan sukan menyelesaikan pertikaian yang timbul di kalangan anggota jawatankuasa ataupun badan pengelola mengikut prosedur dalaman yang ditetapkan. Pertikaian yang tidak dapat diselesaikan boleh dirujuk kepada menteri ataupun menteri sendiri boleh mengarahkan mana-mana badan sukan

merujuk pertikaian kepadanya untuk penyelesaian. Ini untuk memastikan pembangunan satu-satu sukan tidak terjejas oleh krisis dalaman yang berpanjangan.

Panel Penasihat Sukan terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada 8 ahli anggota, 2 daripadanya yang dinamakan oleh Majlis Olimpik Malaysia akan ditubuhkan untuk menasihati menteri mengenai perkara-perkara yang dirujuk kepadanya supaya keputusan yang dibuat benar-benar bijaksana dan seimbang demi kebaikan sukan tanah air.

Pengurusan yang cekap akan mengurangkan masalah termasuk masalah dalaman, sekali gus merangsangkan pembangunan sukan yang berkenaan. Ini akan menambahkan keyakinan syarikat-syarikat penaja dan bakal penaja untuk menyumbang kepada pembangunan sukan. Penglibatan pihak swasta secara aktif akan memperkayakan aktiviti sukan negara melalui sumber kewangan yang bertambah, penerapan pengurusan yang lebih profesional melalui pemindahan pengalaman dan kapakaran kepada persatuan-persatuan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian terakhir akta ini memberikan peruntukan am yang tidak terkandung dalam bahagian-bahagian yang sebelumnya, termasuk:

- (i) Tidak membenarkan mana-mana pihak membuat tawaran untuk menjadi tuan rumah pertandingan sukan antarabangsa tanpa mendapat kelulusan menteri terlebih

dahulu. Ini bagi mengelakkan daripada berlakunya keadaan yang menjejaskan nama baik negara. Persatuan-persatuan sering membuat tawaran menjadi tuan rumah tanpa memastikan keupayaan organisasi dan kewangan terlebih dahulu. Pada saat-saat terakhir Kementerian Belia dan Sukan terpaksa campur tangan dan membantu semata-mata untuk menjaga imej negara. Walaupun kerajaan menggalakkan persatuan-persatuan sukan untuk menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa di negara ini, perlu dipastikan ianya tidak menjejaskan imej negara akibat persediaan yang kurang rapi.

Penganjuran sukan pada masa ini ada nilai komersialnya dan ramai pihak ingin terlibat. Bagi menjaga kepentingan persatuan-persatuan sukan yang menjadi pengawal sukan masing-masing di negara ini, syarikat-syarikat ataupun mana-mana pihak selain daripada persatuan sukan yang diiktiraf tidak dibenarkan menganjurkan pertandingan tanpa mendapat kelulusan menteri dan lesen yang tertentu daripada pesuruhjaya sukan.

Menteri yang bertanggungjawab akan menentukan tarikh berkuatkuasanya akta ini selepas ianya diluluskan oleh Parlimen. Setakat ini akta ini hanya akan melibatkan 39 jenis pertubuhan sukan di peringkat

kebangsaan, negeri dan daerah. Jadual pertama akta ini akan ditambah dengan memasukkan sukan ataupun aktiviti rekreasi yang lain apabila Kementerian Belia dan Sukan bersedia melaksanakan tugas-tugas tambahan.

Mewujud dan menyemarakkan budaya sukan di kalangan rakyat Malaysia merupakan sasaran utama ke arah mempopularkan aktiviti sukan dan rekreasi. Keadaan ekonomi negara dan taraf hidup yang kian baik dan selesa memberikan ruang kepada lebih ramai rakyat untuk melakukan aktiviti-aktiviti sukan dan rekreasi. Budaya sukan boleh dibentuk melalui Program Sukan Prestasi Tinggi dan juga Program Sukan Untuk Semua yang bertujuan untuk memberikan peluang penyertaan yang seluas mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini akan menentukan persatuan-persatuan sukan yang ditubuhkan aktif di semua peringkat dalam sukan prestasi tinggi dan sukan massa secara seimbang. Sebenarnyalah inilah semangat yang termaktub dalam Piagam Olimpik, dengan izin, Olympic Charter dan akta ini memberikan peneguhan kepada falsafah tersebut.

Akhir kata izinkan saya menegaskan bahawa Akta Pembangunan Sukan 1997 ini bersifat 'sports friendly' dan akan memberikan satu suasana sukan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Akta ini juga akan dapat menyesuaikan kegiatan sukan dengan pembangunan semasa ataupun perkembangan semasa di mana sukan merupakan satu industri yang berkembang, saintifik dan berteknologi tinggi. Sukan mempunyai aspek

komersial yang boleh diterokai oleh semua pihak di negara ini. Pengurusan persatuan sukan yang lebih cekap akan membuka peluang yang boleh meletakkan mereka dalam keadaan berdaya saing untuk merebut peluang ini. Mudah-mudahan pada suatu hari nanti kelak, Malaysia akan menjadi negara yang disegani dalam bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan dan pentadbiran sukan di Malaysia dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali.

5.52 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan di Dewan yang mulia ini.

Rang undang-undang ini bukan sahaja kena pada tempatnya, malah ianya merupakan suatu usaha yang patut diberi pujian kerana Yang Berhormat Menteri sendiri di waktu membentangkan rang undang-undang ini dengan secara terbuka mengakui bahawa pembangunan sukan di negara kita ini umumnya masih berada di tahap yang tidak memuaskan.

Saya pernah berkata di Dewan yang mulia ini sebelum ini bahawa apabila disebut pembangunan, ianya ialah pembangunan yang menyeluruh tetapi kita lihat pembangunan di negara kita ada tempat yang tidak seimbang. Kita lihat bagaimana pembangunan infrastruktur begitu rancak sehingga kita telah mampu membina menara yang paling tinggi di dunia. Kita telah mampu membina lebuh-lebuh raya dan kita lihat sahajalah prasarana yang begitu hebat kecuali di Kelantan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kepala saya ini dok ingat dekat Semerak ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut pembangunan infrastruktur begitu hebat bagaimana pula dengan pembangunan manusia? Kita sering berkata bahawa pembangunan ialah pembangunan rohani dan jasmani tetapi dalam soal pembangunan manusia ataupun pembangunan sosial kita lihat kita masih lagi ke belakang dan kita tidak menyalahkan sesiapa. Mungkin sebagai sebuah negara yang masih lagi muda dari segi kemerdekaannya - lebih kurang 40 tahun, waktu kita mengejar untuk mengisi kemerdekaan, kadang-kadang timbul masalah untuk menentukan keutamaan dan priority. Priority dalam kita mengisi

kemerdekaan ialah untuk mengangkat rakyat dari segi kedudukan ekonomi yang ada kaitan dengan masalah pembangunan infrastruktur, masalah pembasmian kemiskinan dan lain-lain perkara, manakala dalam bidang sukan ini banyak pihak tidak sedar, kesedarannya baru bermula dalam beberapa tahun ke belakangan ini.

Tidak banyak orang memberi perhatian kepada bidang sukan walaupun kita suka kepada jaguh-jaguh bila wujud ataupun ada pelbagai pertandingan tetapi kegiatan sukan belum lagi dijadikan satu kegiatan yang penting di dalam negara kita ini. Ini kita akui bersama. Maka, sebab itu apabila ada pihak-pihak bercakap soal sukan, ada yang rasa rimas, tidak senang hati, ada yang mengutuk kerana kita gagal memperolehi pingat emas dan seumpamanya, tetapi orang yang mengutuk ini sendiri pun kalau ada pingat gangsa dia sendiri pun mustahil dapat. [*Ketawa*] Maknanya ‘tukang sorak’ ramai di luar padang, manakala bidang sukan ini ialah mereka yang berada dalam padang dalam apa jua sukan sekali pun.

Memang kita akui, pernah saya mengatakan kelemahan kita dalam bidang sukan, dulu kita memperkenalkan sepak takraw. Sepak takraw ini sebenarnya daripada negara kita. Kita mempopularkannya, akhir sekali jadi sukan di peringkat SEA - ASEAN Games, akhir sekali kita kecundang. Thomas Cup ataupun badminton juga merupakan bidang sukan yang mungkin sehati dengan rakyat negara kita tetapi itu pun kadang-kadang menang kadang-

kadang kalah. Kalau kita main di Malaysia baru menang, main di luar, kalah. Ini di antara beberapa perkara yang kita dapat lihat dan kita tidak boleh bayangkan bagaimana Sukan Komanwel pada bulan September tahun hadapan.

Apakah Sukan Komanwel bila diadakan nanti, ianya menguntungkan dari segi komersial, dari segi memperkenalkan negara kita di dunia luar dan hasil daripada sukan tersebut wujud banyak lagi tempat-tempat kemudahan sukan tetapi dari segi meraih pingat emas kita belum tentu. Tetapi, sekurang-kurangnya langkah berani kerajaan kita sanggup dan berusaha melobi untuk menjadi tuan rumah dengan tidak memikirkan berapa banyak pingat emas kita dapat, ini satu usaha yang patut kita puji dan langkah yang cukup berani.

Saya lihat memang sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, banyak sebab-sebab kelemahan sukan ini - krisis kepimpinan, macam-macam karenah dalam bidang sukan, memang betul! Saya dulu-dulu lagi, waktu ada satu ketika dahulu apabila kita membahar rang undang-undang yang bersabit dengan pindaan Perlembagaan di mana supaya kita kata raja-raja jangan banyak campur tangan dalam soal-soal politik dan pentadbiran, elok untuk kecergasan para tuanku ini, elok kita minta tuanku-tuanku dan sultan-sultan ini tumpu dalam bidang sukan, ada baiknya juga pada waktu itu dan saya lihat pula bila ada raja-raja kita menerajui sukan dan tentulah bila kita hendak memajukan sesuatu ini tentulah ada pandangan, teguran dan kritikan - raja pula jadi presiden. Macam mana kita hendak memperbaiki mutu sukan kalau timbul

pula masalah seumpama ini. Jadi, saya tengok ada sahaja yang tidak kena terutamanya dalam bidang bola sepak.

Saya mendengar maklum balas sebab bola sepak sebagai contoh yang paling digemari, ada juga pihak-pihak yang merungut, ada pihak-pihak yang kata bagus, saya pun tidak tahu yang mana betul. Dato' Haji Mohd. Zuki dia sokong sebab Sultan Pahang jadi Presiden, itu dia kata bagus. Kalau tidak kata bagus, nahaslah! Tetapi, saya tidak tahu, saya tidak mengatakan bagus, saya tidak kata tidak bagus, cuma saya hanya menimbulkan persoalan apakah ada halangan dari segi hendak memajukan sukan apabila ianya dipegang oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri?

Kita pun tidak tahu tetapi tengokkan sekurang-kurangnya mungkin hendak bergaduh dalam mesyuarat-mesyuarat itu tahanlah sedikit segan, sebab sultan ada. Kalau yang biasa-biasa orang politik ini memang lawanlah, kita tengok persatuan ini bergaduh, persatuan itu bergaduh, semuanya macam tidak kenalah tetapi walau macammana pun kita jangan rasa 'inferiority complex', saya sedikit pun tidak ada rasa 'inferiority complex' sebab negara kita muda dan saya puji bukan kerana menterinya ada di sini, saya dok tengok dalam televisyen, saya selalu perhati kegiatan pemimpin-pemimpin ini. *[Ketawa]* Saya perhati kegiatan-kegiatan pemimpin dan saya tengok sudah ada perubahan di Kementerian Belia dan Sukan. Sudah banyak perubahan, bila saya lihat

menterinya sering keluar dan turun padang di mana-mana tempat saya lihat, ini kita kena beri ucapan tahniah, ini bukan kempen. *[Ketawa]*

Jadi, saya tengok memang boleh dikatakan tiap-tiap bidang sukan dan malah baru-baru ini bila timbul masalah dalam urusan Sukan Komanwel kecoh baru-baru ini, semua panik. Alhamdulillah, nampaknya dapat ditangani dengan baik dan segala-galanya berjalan lancar dan juga hasil daripada menteri iaitu pemimpin. Kalau serah kepada Menteri Besar Kelantan, hancur. *[Ketawa]* Betul, kalau dia ada masalah, itu takdir Allah Ta'ala sahaja, dia tidak kira lain. Dia tidak adalah usaha, bukanlah hendak menyeleweng, tetapi hendak beri perbandingan sebab dia memerlukan kepada kepimpinan. Kepakaran dan kepimpinan ini tidak semudah bercakap, lebih-lebih lagi dalam soal sukan.

Kita lihat di negara kita ini, kita semua sedar dan sedia maklum di negara kita ini dari segi peruntukan kewangan, saya kira lebih daripada mencukupi. Dari segi kemudahan infrastruktur, macam-macam sudah ada dan dewan-dewan sukan pun tidak sedikit, terutamanya di bandar-bandar, kecuali kalau kurang pun di luar bandar masih kurang, barulah hendak buat tempat-tempat sukan Rakan Muda. Ini saya hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri, kalau hendak dibuat di Kelantan, buatlah di Pasir Mas, tak usahlah buat di Pulau Melaka itu, buat habis duit sahaja - buat di Pasir Mas. Kena cari tempat-tempat di mana tengok rakyat itu cergas, tengok pemimpin-pemimpin itu ada

turun padang supaya apabila kita bina infrastruktur, dewan besar, ia tidak kosong, ha, macam itu. Betul ini.

Saya beri sokongan kuat sebab dalam mempromosikan ‘Malaysia Cergas’ yang ada kaitan dengan sukan, mempromosikan ‘Malaysia Boleh’ sehingga Malaysia sudah boleh memacak bendera di Gunung Everest baru-baru ini, kita ucap tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan. *[Tepuk]* Tiga hari yang lepas rombongan Gunung Everest dibawa ke Kelantan, kita beri sokongan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pun pergi. Yang Berhormat Dato’ Zuki dan Dato’ Aziz tanya, betulkah 30,000 orang? Saya hendak sebut 40,000 orang, takut orang tidak percaya, tetapi memang rakyat keluar menyambut pendaki-pendaki Gunung Everest, hendak tengok wira-wira negara dan nampak sangat dari segi slogan ‘Malaysia Boleh’ itu sudah turun ke akar umbi, selain daripada hendak tengok Yang Berhormat Setiausaha Parlimenlah. *[Ketawa]* Tetapi sambutannya memang, alhamdulillah, luar biasa betul dan saya sendiri tidak terfikir sampai boleh begitu sekali. Jadi maknanya, kalau ada usaha, memang kita boleh mencapai kejayaan, sebagaimana slogan yang mengatakan ‘Malaysia Boleh’.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kepada rang undang-undang yang telah dibawa ini saya kira satu langkah yang cukup bijak. Ada usaha dan ada inisiatif walaupun bidang yang dikatakan tidak penting, tetapi ia penting kerana satu hari nanti mungkin bidang sukan ini bukan sahaja dikatakan ‘bukan

komersial' sebab 'komersial' bagi orang yang menaja, tetapi kepada atlet kalau kita lihat di negara Barat, atlet-atlet sukan semuanya jutawan. Apabila dia menang lumba lari, menang apa sahaja bidang sukan, hadiahnya begitu lumayan sehingga semua jadi jutawan dan popular. Betul popular, dalam surat khabar semua popular, ditaja oleh syarikat-syarikat besar. Lebih popular kalau hendak dibanding dengan pemimpin PAS, lebih popular mereka ini lagi dan jadi jutawan, memiliki harta yang cukup banyak hasil daripada pencapaian mereka dalam bidang sukan. Sebab itu kita mesti beri galakan dan kita mesti beri motivasi, rangsangan, memberi keyakinan bahawa bidang sukan juga adalah satu bidang pelaburan yang boleh menguntungkan dari segi profesion rakyat negara kita ini. Kita percaya bahawa kita boleh maju kalau kita hendak banding pada masa dahulu.

Saya percaya kepada kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 'kalau kita mahu maju, kita boleh maju'. Kalau kita kata boleh, mesti boleh asalkan kita tidak merasa ada inferiority complex. Jangan kita ukur soal saiz, orang Barat panjang, kita pendek; kulit dia putih, kita kelabu asap. Boleh bersaing kalau diberi kesempatan dan dorongan yang kuat. Hal ini saya tengok sudah mula menuju ke arah yang betul. Bila ada akta seumpama ini wujudnya penyelarasan dan keprihatinan pemimpin.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit. Saya tertarik dari segi dia hendak menaikkan orang untuk berkecimpung dalam sukan berkenaan dengan saiz badan ini tadi. Saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa badan yang kecil macam Yang Berhormat depan ini, bolehkah dia ini bersama dengan orang-orang yang tingginya 6 kaki berlari 100 meter? Kalau orang yang kecil ini berlari, macam mana hendak sama dalam sukan ini? Dalam bentuk sukan memanah dan menembak itu, saiz tidak ada diambil kira. Jadi saya hendak tanya, bolehkah dia memikirkan bagaimana kita hendak membesarkan orang-orang Malaysia ini [*Ketawa*] sebagai pelari-pelari pecut yang kuat?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat kepada Yang Berhormat Dato' Zuki nampak betul bahawa beliau tidak ada kesedaran dalam bidang sukan. [*Ketawa*] Walau macam manapun, memanglah kalau kita tengok kepada bidang sukan, ada sukan yang perlu kepada badan besar macam Yang Berhormat Dato' Zuki, sepatutnya Kementerian Belia dan Sukan boleh hantar pergi ke Jepun. [*Ketawa*] Itu bagi badan yang besar. Kalau berlari, dia tidak kira soal saiz sama ada kecil, pendek atau besar, tetapi soal stamina. Tetapi kalau Dato' Zuki, saya rasa, berlari dua ela pun pengsan. [*Ketawa*] Dia tidak kira soal saiz, dia kira soal latihan dan ikut kesesuaian bidang-bidang sukan yang disertai. Memang saya percaya boleh, mesti boleh, asalkan latihan, rangsangan itu menuju kepada hala yang betul.

Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri selama ini kelemahan kita banyak kerana masalah kepimpinan persatuan-persatuan sukan. Kita biarkan perkembangan sukan ini kepada pertubuhan dan persatuan sukarela. Bila kepimpinan pertubuhan dan persatuan sukarela ini berkecamuk, memang tidak akan jadi kerja ini. Apa kerja pun tidak akan jadi kalau pemimpin itu kepimpinannya tidak betul. Tetapi kalau kepimpinan itu ada wawasan, dia set target, dia tahu pencapaiannya, jadilah. Macam Barisan Nasional di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, contohnya. Kalau di Kelantan, saya pun tidak tahu siapa wakil Kelantan, kalau serupa, hendak ucap tahniah, belum ucap tahniah lagi, saya dengar orang Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang dalam mempersiapkan, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sambil membahaskan rang undang-undang ini, dari segi persiapan ke arah pencapaian Sukan Komanwel, sudah barang tentu kita tidak boleh cuba hendak mengaut semua sekali kemenangan. Saya percaya sasaran pun tidak boleh menetapkan bahawa kesemua sekali kita hendak cuba merangkumi pingat emas, perak ataupun gangsa. Saya kira kalau kita dapat tumpukan beberapa bidang sukan yang kita rasa ada atlet-atlet yang cemerlang, maka ditumpu dan diberi peruntukan lebih kepada kumpulan ini. Kalau kita ada peruntukan dan kita bahagi-bahagikan kononnya hendak adil dan sama rata yang kita tahu ada bidang itu dan tidak mungkin kita boleh

mencapai kemenangan pada tahap ini, maka lebih baiklah kita tumpukan kepada dua, tiga, empat acara bidang-bidang sukan tetapi kita dapat mencapai kemenangan dan kita tumpukan lebih peruntukan kepada bidang tersebut. Saya rasa lebih berkesan, lebih baik daripada kita hendak layan semua pihak.....

Beberapa Ahli: Ya, ya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, bersetuju. Tetapi selalu kalau saya bercakap, tidak ada orang kata tak betul, kebanyakannya dapat sokongan, sebab saya kira ini lebih baik. Bidang badminton, saya puji bagaimana penglibatan Yang Amat Berbahagia Datin Dr. Siti Hasmah yang mengambil berat dalam mempromosikan gelanggang seribu satu dan turun ke daerah-daerah, jadi ini yang saya rasakan tetapi kena dilipatgandakan lagi dan pemimpin-pemimpin pun kena beri rangsangan.

Kita di kalangan pemimpin, macam orang-orang politik ini pun, saya pun hendak menyedarkan dan mengingatkan diri saya juga, kalau bertepuk semasa pertandingan politik bukan main hebat. Bila ada acara bertanding sukan untuk menguatkan sokongan kepada atlet kita, oi, lambat betul, kadang-kadang tak turun padang pun. Ini saya hendak ingatkan rakan-rakan saya di belakang inilah. *[Ketawa]* Ini untuk saya juga supaya kita beri sokongan bersungguh-sungguh, kalau tidak, memang tidak boleh jadi kerana segala-galanya ia memerlukan kepada semangat dan semangat ini kena datang

daripada sokongan. Bila kita kata, boleh, boleh, boleh, dia akan jadi boleh. Tetapi kalau tidak ada sokongan, tidak jadi.

Tengok baru-baru ini saya sebut contoh, pendaki Gunung Everest itu hebat betul, saya cukup kagum. Saya mimpilah, saya bayangkan, katalah kalau saya yang naik Gunung Everest itu, bawa bendera, pacak, hai, saya rasa.....

Seorang Ahli: Tak sampai!

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tak sampai? [*Ketawa*] Saya kata ‘kalau’ sayalah, saya rasa tiap-tiap hari Dato’ Zuki minta air penawar [*Ketawa*] pasal hendak sampai ke sana itu bukan mudah. Saya ucap tahniah dan syabas, maknanya langkah kementerian membawa mereka ini ke seluruh negara mengadakan sambutan, ini saya rasa cukup bijak. Kalau boleh, dilipatgandakan lagi dan diadakan lagi ceramah-ceramah di waktu malam, dibawa mereka ini di sekolah-sekolah bercerita macam mana dia boleh naik sampai ke sana, apa rintangan dan halangannya, orang hendak dengar cerita macam mana. Tentu seronok dengar dan tentu akan timbul motivasi. Ini saya rasa langkah yang betul.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin bahawa selepas ini, insya-Allah, sukan negara kita akan lebih bertambah maju, lepas satu agenda ke satu agenda, sekarang ini sudah masuk agenda sukan. Kita kena anggap agenda sukan adalah agenda nasional yang terpenting. Agenda prasarana mungkin sudah hampir hendak selesai. Insya-Allah, tidak lama lagi lapangan terbang

selesai, menara kembar dua paling tinggi pun hampir selesai. Baru-baru ini saya tengok rombongan orang-orang Kelantan berhenti dekat situ, bawa kamera, bangunan belum siap dok ambil gambar, saya kata, ‘daripada mana?’ Dia kata, ‘Pulau Melaka’. Rombongan Menteri Besar Kelantan pergi tengok bangunan tinggi. *[Ketawa]* Hendak juga mereka tengok benda-benda yang macam itu.

Jadi, semua persiapan ini sudah siap. Walaupun ada lagi pocket area di luar-luar bandar masih lagi ada bermasalah, tetapi saya rasa dengan tempoh yang dibawa oleh pucuk pimpinan negara sekarang ini, saya rasa mungkin empat, lima tahun lagi, tidak ada tempat yang tidak akan dibangunkan nanti. Jadi, inilah pembangunan manusia. Maka pembangunan sukan akan jadi agenda nasional.

Saya harap ianya jadi agenda nasional. Apabila Yang Berhormat Menteri menyebut reformasi sukan, ialah reformasi ke arah meningkatkan sukan negara ini menjadi rakyat kita lebih cemerlang dalam pencapaian dan sekali gus untuk ke arah itu, dia mesti menjadikan agenda pembangunan sukan ini sebagai agenda nasional. Saya harap pucuk pimpinan negara kita pun akan beri perhatian lebih kepada bidang sukan. Maknanya, sudah sampai masanya pemimpin-pemimpin kita turun ke padang untuk menyaksikan acara-acara sukan tadi, memberi rangsangan kepada atlet-atlet kita, tidak cukup dengan

sekali dua sambutan. Kita kena buat macam negara maju, kita tiru mana yang baik.

Saya sebut tadi kalau di negara maju, bila ada atlet yang berjaya, promosi dan publisiti dia dari segi hendak menaikkan semangat dan beri tempat kepada jaguh-jaguh ini bertahun lamanya. Dalam televisyen terpapar, dalam surat khabar di muka depan - tak ada ramai orang dari surat khabar, cuma rekod sahajalah - dalam majalah terpapar. Jadi kalau kita terus buat macam ini, ada rasa keinginan. Serupa juga kita tengok orang menyanyi, kenapa anak-anak muda kita suka hendak jadi penyanyi sekarang ini? Kerana banyak sangat promosi seumpama ini. Dalam TV3, rancangan 'Sinaran Pasport Kegemilangan', semua hendak pergi uji bakat, hendak masuk bertanding, hendak jadi popular kerana publisiti banyak untuk ini.

Cuba kita buat publisiti lebih banyak untuk kejayaan dalam bidang sukan, beralih pula masyarakat kita ke arah itu. Ini kurang, saya mintalah pihak-pihak akhbar beri juga tempat. Ini berita sukan, tidak ada lain muka belakang, muka 9, muka 10, belakang sekali diletakkan. Cuba letak muka depan sekali-sekala, prominent dalam berita-berita sukan. Ini cerita-cerita yang kadang-kadang saya pun hendak sebut pun malas. Cuba ada berita-berita sukan itu diberi juga sebagai satu prime news, berita penting, barulah menyemarakkan lagi semangat rakyat ini. Ini kadang-kadang entah cerita apa benda saya tengok. Jadi, saya buat teguran ini bukanlah satu kritikan, tetapi kita

mengharapkan. Mana-mana dalam surat walaupun surat khabar Inggeris pun dia tanya-tanya pun cari yang lawa-lawa, letak gambar colour besar, tidak ada hint apa pun sengaja hendak dapat pandangan orang ini. Cuba letak jaguh-jaguh atlet negara, betulkah? Cuba letak gambar pemain sepak takraw, pemain rugby, pemain hoki, masukkan gambar-gambar seumpamanya ini, letak muka depan, gambar colour, tanya pandangan dia, baru dia rasa megah.

Jadi, budak-budak sekolah bila baca, dia pun hendak jadi macam itu juga. Ini entah apa-apa gambar kira main lawa sahaja. Itu yang haru-biru hari ini. Cuba kita alih sedikit. Kadang-kadang perlu kepada sokongan semua pihak. Saya rasa kementerian pun perlu kepada sokongan seumpama ini. Saya sudah lama mencadangkan ke arah ini supaya dengan cara yang demikian ia akan memberi rangsangan yang lebih. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini pun sedar, banyak yang telah pergi ke luar negeri. Cuba pergi ke Kota Raya London, pergi ke Paris, pagi-pagi kita baca surat khabar, saya tengok muka 1, muka 2 mesti ada tokoh-tokoh sukan, jaguh-jaguh. Betul, saya tidak bawa contoh, sebab saya daripada Kelantan berkempen dan terus ke sini, kalau tidak saya bawa tadi. Ada sekali-sekala singgah. Saya tengok memang berita sukan, betul, jaguh-jaguh sukan, macam-macam cerita latar belakang.

Kita buka surat khabar, Ramzila, selepas itu bila jadi macam-macam kepada anak-anak kita, kita pula mengamuk, begitulah-beginilah. Jadi, biar dasar kita itu betul kita tahu meletakkan keutamaan. Jadi, saya anjurkan tadi

supaya ianya dijadikan agenda nasional. Bila kita dapat menuju ke arah itu, sempurnalah pembangunan negara kita nanti, insya-Allah, baik dari segi pembangunan rohani, baik dari segi pembangunan jasmani, baru sempurna apa yang dibuat oleh kerajaan kita. Tinggal lagi di Kelantan maklum sahajalah, saya mintalah Kementerian Belia dan Sukan berilah perhatian sedikit, sebab orang Kelantan banyak juga yang jaguh-jaguh. Tetapi maklum sahajalah di bawah pemimpin yang tidak berapa tepat sekarang ini, jadi payah hendak mencungkil bakat-bakat, betul. Usahkan ada dewan sukan yang elok, buat madrasah pun hampir RM5,000, RM10,000; madrasah apa sekarang ini RM5,000, RM10,000, sebab itu kayu tidak ketam, kipas angin tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, bila orang sembahyang kadang-kadang bahu dia bergerak macam itu [*sambil menunjukkan gaya*]. Kaki bergerak kerana gatal mungkin nyamuk. Kita tidak hendak projek macam itu. Kita hendak projek.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Tadi Yang Berhormat Datuk Ibrahim ada menyebut kelemahan sukan di Kelantan disebabkan pemimpin. Adakah Yang Berhormat Datuk bermaksud kita tidak ada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Datuk yang boleh meningkatkan mutu sukan di Kelantan?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ada, tetapi hendak buat tidak boleh, banyak halangan. Betul banyak halangan, sebab rakyat itu dialihkan kepada pandangan-pandangan yang negatif, pembangunan tidak mahu, kemajuan tidak mahu, sukan tidak mahu. Ini dari segi perang saraf. Orang Kelantan kalau bertanding, mulut nombor satu, exercise mulut nombor satu. *[Ketawa]* Tanya Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun tahu. Kalau pertandingan bersyarat mungkin Kelantan jadi jaguh. Setakat ini bertanding mulut sahaja, lain tidak boleh, kaki, tangan tidak boleh, mulut boleh, tiga-empat jam bergegar mikrofon. *[Ketawa]* Ini orang Kelantan boleh bertanding, tetapi tidak pertandingan dalam bidang lain.

Banyak bakat-bakat, sebab saya tengok di kampung-kampung, di desa-desa. Ada lagi tempat, sekolah yang belum ada lagi padang sekolah. Main bola dalam bendang padi, betul. Berlari dalam kawasan-kawasan dan main sukan yang memang cukup tidak sesuai. Kalau ada dewan pun cukup. Kalau hendak main badminton di dalam berapa court boleh buat, satu pun memang tidak ada tempat. Jadi, kalau kita boleh bawa pula pembangunan infrastruktur, prasarana ke luar bandar, jangan tumpukan ke bandar sahaja, saya percaya banyak lagi bakat-bakat terpendam. Kalau di Kelantan boleh buat macam ini, saya percaya kita dapat kurang sedikit exercise mulut ini, lebih banyak kepada aktiviti lain pula. Mungkin kerana kurang inilah, kurang kemudahan-kemudahan, terpaksa kita bergantung kepada Barisan Nasional. Ini semua orang tahu. Kalau buat

madrasah kita hendak yang ada air-cond, ada kipas, ada karpet, sembahyang pun kusyuk, macam itu. Kalau serba-serbi tidak sempurna hendak buat apa. Tengoklah court badminton di Kelantan, orang letak net, kadang-kadang dia letak tali rafia main badminton. *[Ketawa]* Jadi, kalau masuk di bawah dia beri rentung juga. Mana ada pembangunan macam itu. Kerajaan negeri nampak tidak berupaya, tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah ambil masa yang lebih daripada itu. Cuma....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Minta penjelasan sedikit. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, habis saudara-saudari kita di Kelantan bagaimana dia bersenam kalau tidak masuk sukan langsung. Apakah cara mereka hendak menguatkan badan, mengeluarkan peluh, biar Datuk beri penerangan sedikit dari segi sukan di Kelantan khususnya.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, adalah juga yang main bola sedikit-sedikit, badminton sedikit-sedikit, bukan tidak ada. Tetapi exercise secara umumnya pagi-pagi buka jendela hidu angin. *[Ketawa]* Itu sahaja sukan yang saya tengok yang ada, hembus begitu sahaja *[sambil menunjukkan gaya]*. Makan banyak makanan manis, sebab itu kita tengok angka diabetes di Kelantan tinggi. Kencing manis tinggi, jantung, macam-macam, sebab setakat hembus begitu sahaja. Cuma kalau exercise yang regular macam basikal di rumah. Tetapi umumnya yang saya tengok macam itu sahaja, harap kalau

hendak exercise pun cara natural, sebab hendak cari makan susah, maka mereka terpaksa menyangkul, tanam sayur, pergi ke laut, buat rumah, orang miskin. Mungkin secara tidak langsung kerana itu dia dapat menjaga badan mereka, setakat itu sahajalah. Tetapi yang lain tidak ada.

Kita bercakap hendak maju sukan dalam konteks hendak melahirkan atlet-atlet tentulah kita perlu prasarana yang sempurna. Jadi, saya kira itu sahajalah, saya ucap tahniah lagi kepada Kementerian Belia dan Sukan, dan saya harapkan dengan kepimpinan Yang Berhormat Menteri sekarang ini, insya-Allah, Sukan Komanwel bukan sahaja berjaya dianjurkan dengan cemerlang, tetapi kalau tidak banyak pun, jangan rasa inferiority complex, saya yakin tumpu kepada beberapa bidang, insya-Allah, kalau kita sudah mula berjaya dalam bidang-bidang lain, satu hari nanti kita juga akan berjaya dengan sukan, insya-Allah. Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Aziz.

6.23 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997. Kita amat yakin di dalam sasaran pihak kerajaan untuk menuju ke arah pencapaian Wawasan 2020, bukan sahaja pembangunan ekonomi yang patut menerima keutamaan, tetapi seiring dengan itu dengan

wujudnya akta yang baru ini kita mengharapkan akan wujud kegiatan-kegiatan pembangunan fizikal yang lebih mantap lagi memandangkan perlunya badan yang sihat untuk menanggung beban-beban pembangunan yang berterusan.

Tadi saya amat tertarik hati dengan pandangan saudara di hadapan saya ini bersangkutan-paut dengan merancang usaha-usaha untuk hendak melahirkan pemain-pemain dan para atlet yang boleh menjadi model kepada anak bangsa. Dalam hal ini memang kita yakin dan percaya kalau kita tengok dari segi golf misalnya, kita tengok baru-baru ini seorang yang berkulit hitam tetapi campur pula dengan seorang bangsa Thai yang bernama Tiger Wood, dalam usaha 21 tahun, hendak sampai 21 tahun, lebih sedikit 21 tahun, masih belajar di Stamford University. Dia mengundur diri sekejap untuk meredah dari segi kegiatan golf dan kini saya diberitahu penaja kepada Tiger Wood ini meningkat kepada US\$95 juta.

Jadi, ada padang-padang tertentu, tempat-tempat permainan kelab-kelab golf tertentu yang dahulunya tidak pernah mimpi menerima orang kulit hitam bermain, tetapi dengan munculnya Tiger Wood yang agak tinggi dan badannya lansing, saya tengok dia pergi ke Thailand baru-baru ini, kelab-kelab yang sebegitu rupa pun boleh menerima kerana kemantapan permainannya yang begitu canggih sehinggakan ada orang yang hendak mewujudkan di mana tempat-tempat pasir, bunker, dengan izin, kalau dahulu diletak 240 meter kerana ramai pemain-pemain dahulunya boleh memukul bola sampai ke situ,

dia tengok Tiger Wood pukul bola sampai 280 meter, dia hendak alih bunker, tempat pasir 280 meter. Ini menunjukkan bagaimana rangsangan yang dibuat oleh anak muda seperti Tiger Wood, kulit hitam di Amerika menjadi jaguh dalam bidang golf.

Jadi, saya mengatakan begitu juga di negara kita ini. Di tempat kita kalau kita seperti yang disebutkan oleh saudara saya tadi, kita berikan keutamaan mana sukan-sukan yang termampu oleh anak-anak kita dari segi saiznya, dari segi fizikalnya, dari segi mentalnya yang boleh kita menerajui supaya dapat kita mengharumkan nama baik negara. Kemungkinan sukan-sukan yang tidak memerlukan badan yang tinggi-tinggi, saya tidak yakin kita ada satu pasukan yang boleh melawan basket ball, bola keranjang, kerana orang-orang yang main bola keranjang ini panjang-panjang yang semuanya 6 kaki 2 inci. Yang Berhormat Datuk di depan saya dengan saya mungkin tidak boleh, kita duduk di celah-celah kangkang sahaja, dan mungkin itu pun bagus, saya tidak tahu. Itu terserah kepada Kementerian Belia dan Sukan yang mengkaji apa sukan yang sepatutnya kita ceburi dengan sepenuh.

Kalau ikutkan sunnah nabi, naik kuda misalnya. Saya naik kuda tetapi jatuh. *[Ketawa]* Mungkin polo, fasal perkara-perkara semacam ini memerlukan dari segi fizikal, badan tidak berapa begitu. Ia memerlukan kepandaian. Saya tengok sekarang equestrian sudah meningkat. Saya tengok jaguh-jaguh kita seperti Wan Zaleha TV3 dahulu, sekarang sudah naik kuda, rata-rata sudah

menang dengan SEA Games dan sebagainya, kita mahukan perkara semacam ini kerana ianya saya tahu di Kelantan banyak kuda-kuda padi dan juga di Sabah. Bahkan kuda padi diadunkan dengan penunggang-penunggang tertentu dapat kita pertingkatkan. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang depan dahulu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, untuk kegiatan-kegiatan.

[Ketawa]

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Adakah Yang Berhormat maksud kuda padi ini sesuai untuk pemimpin di Kelantan sahaja, termasuk Datuk Ibrahim? *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak. Maksud saya di sana sebenarnya memang ada. Mereka juga ada pasukan-pasukan polo di Kelantan daripada kuda-kuda bukan sahaja kuda padi, kuda yang sejenis macam kuda padi, kecil-kecil boleh digunakan. Jadi, ini serupa juga dengan memanah misalnya. Perkara semacam ini tidak memerlukan dari segi fizikal yang besar-besar macam saudara saya di sebelah ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita memberikan keutamaan dan kita memerlukan kementerian menentukan ke arah mana sepatutnya kita pergi di peringkat

ASEAN, di peringkat wilayah kita di Asia dan di peringkat antarabangsa, barulah dapat kita sebenarnya mengharumkan nama kita, kerana kita berikan penumpuan untuk mencari champion-champion dan mereka yang sepatutnya.

Saya juga memang bersetuju kalau sekiranya pihak kementerian mengambil kedua-dua mereka yang dapat mendaki Gunung Everest ini masukkan dalam tape. Kalau sekiranya tidak dapat mereka pergi ke seluruh pelosok negara, kita hantar video tape bagaimana mereka boleh dijadikan hero, role model kepada anak bangsa. Buatlah elok tape itu kita hantar ke seluruh negara supaya mereka dapat menatapi bagaimana dalam keadaan yang begitu teruk, keadaan fizikal yang penuh dengan ais, dengan salji, kita bukan ada salji di sini, paling tingginya Gunung Kinabalu, selepas itu semua orang boleh naik ke atas, senang sahaja. Jadi, bila pergi ke Mount Everest kita tengok salji, kita tengok angin yang begitu hebat, kita perlukan cabaran-cabaran ini dapat kita dedahkan kepada anak muda kita supaya rangsangan mereka dapat berterusan. Jadi, inilah perkara-perkara....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Yang Berhormat, saya hendak betulkan bahasa Malaysia, bukan 'angin hebat', tetapi 'angin laju'. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, laju dan hebat. *[Ketawa]* Laju dan juga hebat yang menepis...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah 6.30 petang. Yang Berhormat hendak sambung lagi esok?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sambung esok.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Perkhidmatan Skim Guru

6.31 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk memberi Ucapan Penangguhan bagi topik Perkhidmatan Skim Guru.

Ucapan Penangguhan ini telah saya kemukakan atas rasa peri keprihatinan saya terhadap aduan-aduan, pengalaman-pengalaman dan juga laporan-laporan akhbar mengenai perkhidmatan skim guru di negara ini. Kita telah banyak mendengar dan juga mungkin antra kita berpengalaman, berkesempatan sebenarnya berhadapan dengan masalah guru.

Kita juga tahu bahawa perkhidmatan guru adalah sangat penting kerana merekalah yang akan menentukan generasi masa depan dan seterusnya juga generasi masa depan juga akan membentuk generasi yang akan dihadapi kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan masalah-masalah di kalangan guru-guru.

Yang pertama, ialah mengenai salahlaku guru yang telah melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral, contohnya terhadap murid-murid.

Yang keduanya, salahguna kuasa guru yang menghukum murid-murid hingga melakukan kecederaan.

Yang ketiganya, adanya laporan guru-guru yang tidak komited untuk mengajar dan mendidik anak-anak murid.

Yang keempat, juga wujudnya guru-guru yang kurang cuai mengajar dan lebih banyak kerja luar memberi tuition di waktu malam ataupun selepas bekerja ataupun ada juga aduan mengatakan guru-guru terlibat dalam penjualan secara direct selling, dengan izin, dan menjual insurans.

Yang keenam, ada juga yang dikatakan guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan atau pengkhususan dalam mata pelajaran yang diajar.

Tentu sekali kita tidak menyalahkan 100% guru-guru yang terlibat kerana kita juga perlu melihat kepada sistem perkhidmatan guru yang sedia ada dan ini juga termasuklah skim perkhidmatan guru yang disediakan di kementerian.

Kita perlu melihat dan memastikan bahawa skim perkhidmatan yang wujud itu mempunyai insentif-insentif dan juga daya motivasi yang dapat mempertingkatkan khidmat guru-guru yang ada, sama ada guru-guru itu perlu diberi peluang untuk meningkatkan pengetahuan ataupun mungkin meningkatkan ijazah mereka dari segi diploma ke peringkat ijazah ataupun mereka boleh diberikan peluang untuk cuti sambil belajar dan seterusnya diberikan galakan-galakan lain seperti mendapat pengiktirafan secara 'award' untuk dapat meninggikan prestasi guru-guru.

Saya juga berpendapat bahawa perlu wujudnya satu mekanisme untuk mengukur prestasi dan komitmen guru-guru di sekolah-sekolah sama ada mekanisma itu dapat membantu guru-guru untuk lebih berprestasi agar murid-murid akan dapat diajar dengan pendekatan yang bukan sahaja baharu sebab mahu diperbaharui tetapi pendekatan yang dapat mencapai matlamat pengajaran mata-mata pelajaran terutamanya sains dan matematik.

Kita juga dapati bahawa guru-guru juga mungkin menghadapi masalah infrastruktur yang disediakan dalam perkhidmatan skim guru, contoh tempat tinggal dan juga gaji yang mungkin bagi guru-guru lepasan maktab-maktab mungkin terlalu rendah dan justeru itu mereka menghadapi masalah kewangan yang ini juga akan merupakan salah satu fakta yang memberi implikasi kepada prestasi perkhidmatan mereka.

Saya juga ingin menyuarakan bahawa salah satu daripada fakta yang juga menyebabkan timbulnya masalah-masalah, aduan-aduan mengenai guru dan perilaku guru juga adalah bersangkutan dengan mekanisme, disiplin yang dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada mekanisme disiplin ataupun penguatkuasaan disiplin itu untuk guru-guru ataupun kepada murid-murid kerana timbulnya pelbagai masalah disiplin di sekolah-sekolah sama ada dari dalam konteks guru ataupun murid-murid mungkin juga kerana tidak wujudnya satu skema ataupun satu mekanisme ataupun satu garis panduan yang dapat dikuatkuasakan oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa

Skim Perkhidmatan Guru ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan mendapat satu tahap yang cemerlang.

Kita tidak mahu Kementerian mewujudkan mungkin skim-skim guru-guru sekolah-sekolah bestari ataupun kata-kata yang begitu superlative, dengan izin, tetapi mungkin keadaan ataupun sistem itu tiak dapat membenarkan kejayaan itu dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah hasrat saya mengemukakan Ucapan Penangguhan ini untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian, satu penghuraian mengenai isu-isu dan masalah-masalah yang telah dikenalpasti tadi untuk sama-sama kita memberi sumbangan untuk mewujudkan satu Skim Perkhidmatan Guru yang lebih baik yang membolehkan, yang dapat menggalakkan dan seterusnya memberi motivasi kepada guru-guru untuk membangunkan khidmat perguruan dan seterusnya membangunkan generasi murid-murid, generasi bangsa yang baik, yang bersifat kemanusiaan tetapi penuh dengan kecemerlangan dalam bidang-bidang kerjaya mereka dalam sumbangan untuk menjayakan Wawasan 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.37 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah pun dilaksanakan di Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan prestasi guru-guru, antaranya ialah:-

(i) **Meningkatkan Taraf Latihan Guru**

mempertingkatkan taraf latihan guru daripada peringkat sijil perguruan asas ke peringkat diploma dengan bermulanya Program Diploma Perguruan Malaysia (DPM) pada tahun 1996 bagi guru-guru sekolah rendah. Pada sesi pengambilan Ogos 1996 seramai 9,093 orang guru pelatih telah mengikuti program ini dan tawaran tempat pada Julai 1997 adalah sebanyak 5,804 orang;

(ii) **Kursus Peningkatan Profesionalisme**

Kursus dalam perkhidmatan ini bertujuan mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan keterampilan guru-guru sekolah rendah dan menengah dalam bidang-bidang khusus seperti pemulihan dalam pengajaran matematik, media dan pengajaran Islam dan

pendidikan komputer. Sebanyak 30 bidang kursus ditawarkan dalam program ini;

(iii) **Program Latihan Jurulatih Utama**

Dengan perkembangan pendidikan semasa dan tumpuan yang diberi kepada penggunaan komputer dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan melaksanakan latihan bagi jurulatih utama bagi tujuan melatih guru-guru sekolah rendah dan menengah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik dan sains. Jurulatih-jurulatih utama ini akan melatih guru-guru di peringkat daerah dijangkakan pada akhir 1997 sebanyak 30,000 orang guru sekolah rendah dan menengah akan memperolehi kemahiran menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, matematik dan sains.

(iv) **Kursus-kursus Pendek**

Kursus-kursus pendek juga dijalankan oleh jabatan-jabatan pendidikan negeri di peringkat negeri dan zon seperti kursus penterjemahan kod tangan selama dua hari, kursus keilmuan guru ekonomi asas selama dua hari. Sepanjang tahun 1996, jabatan-jabatan pendidikan negeri

telah menganjurkan kursus-kursus pendek seperti itu yang melibatkan seramai 137,587 orang peserta. Lima peluang meningkatkan taraf kelayakan akademik. Kementerian sentiasa memberi galakan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan guru untuk mempertingkatkan taraf kelayakan akademik mereka dengan memberi kemudahan seperti berikut:-

- (a) Cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa;
- (b) Cuti belajar separuh gaji dengan biasiswa;
- (c) Cuti belajar separuh gaji tanpa biasiswa;
- (d) Cuti belajar tanpa gaji tanpa biasiswa; dan
- (e) Mengikuti kursus sambilan melalui pendidikan jarak jauh.

Dari tahun 1994 hingga 1996 seramai 10,298 orang guru telah pun diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka.

(vi) **Program Pengsiswazahan**

Usaha meningkatkan prestasi guru juga melibatkan usaha mempertingkatkan tahap akademik guru-guru sekolah menengah terutama dalam bidang-bidang kritikal melalui

program pengsiswazahan. Antara program yang dijalankan ialah:

- (a) Program Kursus Diploma Perguruan Khas:
Guru-guru yang berjaya akan mengikuti kursus selama satu tahun di maktab perguruan dan jika pencapaian mereka cemerlang, mereka akan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah selama dua tahun di institusi pengajian tinggi dalam negeri. Sebanyak 1,958 daripada sejumlah 3,045 peserta dalam program ini bagi sesi ambilan Julai 1996/1997 yang menduduki peperiksaan telah pun ditawarkan melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi tempatan. Bagi sesi ambilan Jun 1997/1998 jumlah peserta program ini adalah sebanyak 3,098 orang;
- (b) Skim Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang merangkumi program Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan, Sarjana dan Kedoktoran;

- (c) Program Kursus bahasa asing iaitu Perancis, Jepun dan Jerman selama tiga tahun di universiti-universiti luar negeri untuk mendapat Ijazah Pertama; dan
- (d) Program Kembar dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri dalam sektor bidang-bidang tertentu seperti TESL, Pendidikan Khas dan matematik.

Selain daripada itu, guru-guru juga diberi peluang meningkatkan tahap akademik mereka melalui saluran lain seperti Unit Pusat Universiti (UPU) atau secara terus ke universiti-universiti secara sepenuh masa atau separuh masa dengan pendidikan jarak jauh.

Manakala peluang dari segi memberi biasiswa telah dibuka kepada guru-guru bukan siswazah. Mereka yang berjaya akan ditempatkan di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan juga memikirkan memasukkan guru siswazah di sekolah rendah sebagai perancangan jangka panjang.

Mekanisme Mengukur Prestasi dan Komitmen Guru di Sekolah

Mekanisme untuk mengukur prestasi dan komitmen guru di sekolah telah ditetapkan oleh kerajaan melalui borang prestasi seperti mengikut Pekeliling Perkhimatan Bil. 7/1996. Penilaian akan diberi berdasarkan

pencapaian kerja sebenar pegawai yang dinilai berbanding dengan sasaran kerja tahunan yang ditetapkan.

Pengetua atau guru besar merupakan ejen penilai pertama yang memberi markah prestasi mengikut komitmen guru di sekolah. Sehingga hari ini mekanisme ini berjalan dengan baik di mana guru-guru diberi hadiah melalui pergerakan melintang dan menegak. Satu lagi mekanisme yang ada ialah penilaian yang dibuat oleh Jemaah Nazir sekolah terhadap penilaian guru cemerlang di sekolah.

Masalah Guru dan Insentif untuk Guru

Kementerian Pendidikan amatlah prihatin terhadap masalah gaji guru dan insentif-insentif kepada guru. Ekoran daripada laporan yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Wira Abdul Rahman Arshad, kementerian ini telah mengkajinya dan sedang mengambil tindakan yang difikirkan wajar dan membawanya ke perhatian dan tindakan Jemaah Menteri bagi diputuskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.

